

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK MD. GHANI BIN MAT,
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK**

NURUL ADIBAH SABIRA BINTI MUHD BAKARUDDIN

(2020971981)

NUR FATIN INSYIRAH BINTI ZULKEFLY

(2020996991)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2021-JULAI 2021

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

ISI KANDUNGAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

ISI KANDUNGAN		M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	iii
	Senarai Abreviasi	v
	Senarai Singkatan	vi
	Rujukan Kata	vii
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	4
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	6
3.0	Sejarah Lisan	7
	3.1 Pengenalan	8
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	8
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	9
4.0	Kajian Literatur	10
	4.1 Topik 1	11
	4.2 Topik 2	12
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	13
6.0	Log Temubual	93
7.0	Ralat	105
8.0	Glosari	107
9.0	Indeks	110
10.0	Bibliografi	114
11.0	Lampiran	118
	11.1 Biografi Tokoh	119
	11.2 Surat Perjanjian	120
	11.3 Senarai Soalan	121
	11.4 Diari Penyelidikan	127
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	129

ABSTRAK

ABSTRAK

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PEMBUAT BLOK BATIK
MENGENAI PENGHASILAN BLOK BATIK**

ABSTRAK: Transkrip ini mengandungi rakaman temubual bersama seorang pembuat blok batik dari negeri Kelantan iaitu Encik Md Ghani Bin Mat bagi berkongsi pengalaman, fakta berkaitan dan keunikan blok batik di Malaysia. Sesi temubual dijalankan pada 23 Mei 2021 selama 2:17:27 jam melalui panggilan video di aplikasi Google Meet. Aplikasi Google Meet ini menjadi platform untuk menemu bual disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Soalan-soalan dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama berorientasikan soalan am berkenaan blok batik untuk memberikan sedikit gambaran tentang blok batik. Bahagian kedua menjustifikasikan fakta asal-usul, jenis blok batik, motif dan corak blok batik yang dihasilkan. Bahagian ketiga pula lebih spesifik kepada proses, bahan dan peralatan serta teknik penjagaan blok batik. Pada penghujung temubual, beliau memberi tips tentang teknik penjagaan batik dan diselitkan sedikit nasihat kepada golongan muda yang ingin menceburi bidang blok batik. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang kesenian dan warisan blok batik ini.

Kata Kunci: Encik Md Ghani Bin Mat, Blok batik Malaysia, Kesenian, Warisan, Sejarah lisan.

ABSTRACT

**TRANSCRIPT OF INTERVIEW WITH BATIK BLOCK MAKER
ON BATIK BLOCK PRODUCTION**

ABSTRACT: This transcript contains a recording of an interview with a batik block maker from the state of Kelantan, namely Encik Md Ghani Bin Mat to share experiences, relevant facts and the uniqueness of batik blocks in Malaysia. The interview session was conducted on May 23, 2021 for 2:17:27 hours via video call on the Google Meet app. The Google Meet application became a platform for interviews due to the Covid-19 pandemic that hit the world. The questions are divided into three sections. The first part is oriented towards general questions regarding batik blocks to give a little insight about batik blocks. The second part justifies the facts of origin, types of batik blocks, motifs and patterns of batik blocks produced. The third part is more specific to the process, materials and equipment as well as batik block care techniques. At the end of the interview, he gave tips on batik care techniques and inserted some advice to young people who want to venture into the field of batik blocks. Through this oral history project as well, it is hoped that the outside community, especially the current generation will know more and more deeply about the art and heritage of this batik block.

Keywords: Encik Md Ghani Bin Mat, Malaysian batik block, Arts, Heritage, Oral history.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM w.b.t

Dalam mengusahakan sebuah transkrip ini ketika dunia dilanda wabak pandemik COVID -19, Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah bahawasanya kami telah berjaya menyiapkan tugas ini pada tempoh yang ditetapkan. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam menjalankan tugas khusus kami untuk subjek IMR604 : Oral Documentation, bagi menyiapkan projek kami iaitu “Transkrip Temubual Bersama Encik Md. Ghani Bin Mat, Mengenai Pembuatan Blok Batik” dengan jayanya. Sungguh tidak ternilai kerjasama yang telah diberikan sehingga kami berjaya berada di tahap ini.

Jutaan penghargaan diucapkan kepada pensyarah kami iaitu Madam Siti Noorsiah Binti Jamaludin, yang telah banyak memberikan tunjuk ajar sepanjang semester ini bagi menyiapkan tugas ini. Kesabaran beliau ketika mencurahkan ilmu dan melayani setiap karenah dari kami amat tidak ternilai dan amat sukar untuk dibalas jasa beliau. Kami bersyukur kerana ditunjuk ajar oleh beliau berpandukan teknik pengajaran dan pembelajaran bersama beliau amat tenang dan tidak pernah putus asa berusaha untuk memastikan kami faham akan setiap apa yang diajar oleh beliau. Beliau juga sanggup menggantikan kelas untuk menerangkan lagi intipati yang seharusnya ada dalam transkrip ini. Ketekunan beliau dalam menyampaikan sesi pembelajaran amat berharga buat kami.

Jutaan terima kasih diucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada artis blok batik terpilih, iaitu Encik Md. Ghani bin Mat banyak berkongsi pengalaman dan fakta berkaitan blok batik di Malaysia. Beliau begitu terbuka menceritakan teknik, proses, jenis, teknik penjagaan batik dan banyak lagi ketika ditemubual. Masa yang diluangkan oleh beliau yang mengambil masa kira-kira dua jam lebih amat berharga. Walaupun sedang sibuk membuat blok batik di bengkel, beliau sudi untuk meluangkan masa bersama bagi berkongsi pengalaman.

Tidak terlupa juga ucapan terima kasih dan rasa sayang kepada ahli keluarga kami kerana banyak memberikan dorongan dan suntikan semangat ketika menyiapkan tugas ini. Mereka senantiasa berada di samping kami tidak kira apa jua berlaku. Di musim pandemik ini, mereka banyak meluangkan masa bersama kerana mereka tahu dan faham, erti tekanan belajar

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

dari rumah atau Open and Distance Learning (ODL). Mereka sering berinteraksi dengan kami supaya kami tidak terlalu fokus kepada kerja yang boleh menyebabkan tekanan dan keletihan mental. Kami amat menghargai jasa mereka yang tidak ternilai. Rakan-rakan juga banyak memberikan panduan dan idea ketika menyiapkan tugas. Kami saling berkongsi idea supaya urusan kami semua dipermudahkan. Kami bersama-sama ingin mencapai keputusan yang baik bagi subjek ini dan terus mengangkat martabat dokumentasi lisan sejarah ini.

NURUL ADIBAH SABIRA BINTI MOHD BAKARUDDIN

(2020971981)

NUR FATIN INSYIRAH BT ZULKEFLY

(2020996991)

SENARAI ABREVIASI

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
COVID-19	Coronavirus Disease 2019
HKK	Hari Kraf Kebangsaan
IKM	Institut Kemahiran MARA
KL	Kuala Lumpur
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
UITM	Universiti Teknologi MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

SENARAI SINGKATAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

SENARAI SINGKATAN

MGM	Md Ghani Bin Mat
NAS	Nurul Adibah Sabira Binti Muhammad Bakaruddin
NFI	Nur Fatin Insyirah Binti Zulkefly
KP	Ketua Pengarah

RUJUKAN KATA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

RUJUKAN KATA

Akei	Akan
Ado	Ado
Anok	Anak
Bagitahu	Beritahu
Balik	Semula
Banyok	Banyak
Barei	Barang
Baya	Sebaya
Berapo	Berapa
Besarkei	Membesarkan
Bicei	Bincang
Bidei	Bidang
Binatei	Binatang
Bowok	Bawa
Buatei	Buatan
Bukei	Bukan
Buwi	Beri
Caro	Cara
Cebisei	Cebisan
Comei	Cantik
Dalei	Anggaran
Dibuwei	Dibuang
Dihasilkei	Dihasilkan
Diorei	Orang lain
Fehei	Faham
Gapo	Apa
Gini	Seperti ini
Jalei	Jalan
Jangei	Jangan
Jualei	Jualan
Jugok	Juga

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

Kadei - kadei	Kadang - kadang
Kajiyei	Kajian
Kalangei	Kalangan
Kaloh	Kalah
Kalu	Kalau
Kato	Beritahu
Kawei	Kawan
Kecek	Cakap
Kecik	Kecil
Kelainei	Kelainan
Kelebihei	Kelebihan
Kemahirei	Kemahiran
Kena	Perlu
Kijo	Kerja
Kiro	Kira
Kito	Kita
Kurei	Kurang
Kutipei	Kutipan
Lepah tu	Selepas itu
Logei	Logam
Macei	Macam
Male	Malam
Masaloh	Masaloh
Memei	Memang
Meroh	Merah
Molek	Elok
Mudoh	Mudah
Muroh	Muroh
Namo	Nama
Napok	Nampak
Nok	Mahu
Orei	Orang

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

Oyak	Cakap
Pado	kepada
Panah	Panas
Pasal	Mengenai
Pelanggei	Pelanggan
Pembaharuwei	Pembaharuan
Pembazirei	Pembaziran
Pemegei	Pemegang
Pemenei	Pemenang
Pendapatei	Pendapatan
Pengalamei	Pengalaman
Persaingei	Persaingan
Pihok	Pihak
Pulok	Pula
Rano	Macam mana
Raso	berasa
Rendei	Rendam
Rosok	Rosak
Rumitkei	Merumitkan
Sari	Satu hari
Seakei - akei	Seakan - akan
Sebeloh	Sebelah
Sewenei - sewenei	Sewenang - wenang
Sorei	Seorang
Susoh	Sukar
Tahei	Tahan
Takde	Tiada
Tangei	Tangan
Tembago	Tembaga
Tempoh	Tempah
Tengoh	Sedang
Timoh	Timah

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

Tubik	Keluarkan
Zamei	Zaman

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

BIODATA PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual 1



Nama : Nurul Adibah Sabira Binti Muhammad Bakaruddin

Alamat : Lot 1001, Kampung Kubang Pak Amin,
17000, Pasir Mas,
Kelantan.

No. Telefon : 011-17896046

Emel : irasabira1999@gmail.com

Program : Ijazah Pengurusan Rekod (IM246)

1.2 Penemubual 2




Nama : Nur Fatin Insyirah Binti Zulkefly
Alamat : 668, Lorong Kuda Kepang 2,
Taman Ria Jaya 08000 Sungai Petani,
Kedah.
No. Telefon : 013-3337628
Emel : fatinzulkefly99@gmail.com
Program : Ijazah Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 Biodata Tokoh



Nama : Abdul Ghani bin Mat

Nama Samaran : Md Ghani

Tarikh Lahir : 23 Disember 1956 (65 Tahun)

Tempat Lahir : Pasir Mas, Kelantan

Alamat : No. 10-A

Kampung Chenderong Batu Lorong Madrasah, Pok Noh

16250 Wakaf Baru , Kelantan

No. Telefon : 014-5276544

Bidang : Penghasilan Blok Batik

Mula Aktif : 1979 (43 Tahun)

2.2 Pengenalan Tokoh

Encik Md. Ghani bin Mat dilahirkan pada 23 Disember 1956 di Pasir Mas, Kelantan. Beliau mempunyai lima orang adik-beradik yang semuanya terlibat dalam perusahaan batik termasuklah dirinya. Abangnya kini tidak lagi membuat batik manakala adiknya, Johari bin Mat masih aktif membuat batik hingga kini. Kedua-dua ibu bapanya menyara keluarga dengan berniaga di warung. Kini, seorang daripada lima orang anak beliau turut mewarisi kemahiran membuat blok batik ini.

Beliau bersekolah dalam aliran Inggeris sehingga darjah enam di SIS Primary School, Pasir Mas. Setelah tamat persekolahan, beliau mengambil keputusan untuk bekerja. Beliau berhijrah ke Kota Bharu dan mula mempelajari kemahiran pembuatan blok batik sejak tahun 1972 iaitu ketika berusia 16 tahun. Di sana, beliau bekerja dengan seorang pembuat blok batik bernama Mohd. Zin bin Ali di Kampung Lundang selama dua tahun. Pada masa itu, beliau belajar sambil bekerja membuat blok batik yang dihasilkan menggunakan kepingan besi (zink) yang dibeli dari kilang tin di Kota Bharu dengan harga 0.30 sen sekilogram.

Blok batik yang dihasilkan oleh En Md Ghani adalah eksklusif, di mana blok batik yang direka itu pernah diguna semasa pameran batik sempena Pertandingan Piala Seri Endon bertempat di PWTC Kuala Lumpur. Di samping itu, beliau juga menghasilkan blok batik yang dijual kepada pihak atau individu tertentu untuk tempahan khas seperti tempahan dari Yayasan Budi Penyayang. Selain itu, En Md Ghani juga menerima tempahan dari pihak Karyaneka bagi untuk memasarkan blok tersebut kesemua cawangan di seluruh negara. Sehingga kini, beliau banyak menerima tempahan blok batik rekaan baru dari Kraftangan Malaysia bagi tujuan pembangunan rekaan blok batik.

Beliau menggunakan segala ilmu dan minat berkaitan batik dan bekerja di bawah bidang mencanting dan mewarna. Menurut beliau, seseorang itu harus mempunyai pengetahuan asas seperti melukis dan mewarna untuk menambah minat dalam menceburi bidang blok batik. Encik Md Ghani bin Mat merupakan seorang yang sangat berhati mulia serta ramah dan sedia memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada kami dalam menjalani projek sejarah lisan ini. Meskipun beliau sangat sibuk dalam menyiapkan tempahan dari pelanggan, beliau tetap sudi meluangkan masa yang ada untuk membantu kami dalam subjek ini.

SEJARAH LISAN

3.0 PENGENALAN

3.1 Pengenalan Kajian

Batik merupakan tekstil utama yang digayakan oleh kebanyakan masyarakat Melayu di Malaysia. Malaysia terkenal diseluruh dunia kerana memiliki budaya yang unik dan dengan kaum yang berbilang bangsa. Hanya negara Malaysia sahaja di dunia ini yang memiliki kepelbagaian agama bangsa dan budaya yang harmoni. Seni warisan batik di Malaysia telah bermula di negeri pantai timur dan di sana telah terhampar keindahan seni budaya yang tak ternilai harganya. Seni batik ini ialah jati diri anak bangsa kita yang menjadi lambang kehebatan kita dalam berkarya. Batik adalah antara seni tekstil Melayu (Azah Aziz 2006) yang berkualiti tinggi. Batik atau blok batik tembaga merupakan salah satu media menghasilkan corak batik secara cepat dan pantas. Pada awalnya blok batik dihasilkan dari blok kayu yang diukir corak pada permukaan kayu tersebut sehinggalah inovasi bahan berlaku dari kayu kepada aluminium dan tembaga.

Walaupun arus zaman begitu deras mengubah wajah seni dan warisan dunia, tradisi bangsa yang menjadi identiti negara masih utuh terpelihara. Warisan ini perlu kita jaga demi melahirkan anak bangsa yang kenal serta bersemangat dalam mengekalkannya bagi dijadikan rujukan generasi yang akan datang. Namun, pengetahuan generasi kini tentang batik terutamanya blok batik serta cara pembuatannya tidak lagi dikongsikan secara kerap di media massa. Hal ini telah menyebabkan masyarakat kurang berminat untuk menghayati dan mengayakan batik sebagai pakaian harian. Kajian seni warisan blok batik ini dijalankan untuk memperluaskan pengetahuan tentang seni warisan dan keunikan batik terutamanya batik blok di tanah air seterusnya memartabatkan seni warisan batik dalam kalangan masyarakat Malaysia.

3.2 Objektif Sejarah Lisan

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan objektif berikut:

1. Untuk merungkai mengapa kain sarung batik dipandang sepi oleh generasi muda.
2. Untuk mengenal pasti mengapa generasi kini tidak lagi menjadikan batik sebagai pakaian tradisi.
3. Untuk mengkaji mengapa generasi muda kurang pengetahuan mengenai rekaan dan identiti batik Malaysia.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

i. Perkembangan Ilmu

Sumbangan dari segi ilmu ialah berdasarkan corak, teknik penghasilan, sejarah dan bahan-bahan yang digunakan adalah unik iaitu lain daripada yang lain. Melalui kajian ini juga, masyarakat di negara kita akan dapat mengetahui tentang keistimewaan batik blok dan mengetahui cara dan kaedah penghasilan batik blok dengan lebih mendalam dan terperinci. Ilmu yang diperoleh melalui kajian ini dapat digunakan lagi untuk jaminan masa hadapan. Sebagai contohnya, kajian ini dapat dijadikan rujukan atau contoh kepada masyarakat luar. Melalui kajian ini juga, masyarakat akan dapat ilmu pengetahuan yang berharga dari seorang tokoh warisan seni yang berpengalaman iaitu mencipta batik blok dengan hasil air tangannya sendiri. Hasilnya, batik blok lebih dikenali di kalangan setiap lapisan masyarakat.

ii. Masyarakat

Penyelidikan terhadap batik iaitu batik jenis blok giat dijalankan bagi memberi impak yang positif kepada sesetengah masyarakat dan golongan muda yang sudah mula lupa dengan kewujudan dan kehadiran batik di Malaysia. Bagi membudayakan batik supaya kekal dalam minda sanubari masyarakat, kajian berunsurkan fakta yang tepat lagi sahih dijalankan bagi mengukuhkan lagi sokongan terhadap fakta terkumpul. Hasil kajian ini juga penting bagi menyemarakkan pembangunan industri batik dengan pesat sebagai salah satu industri penyumbang kepada Malaysia. Batik blok ini sangat popular dengan corak - corak yang unik dan ianya memerlukan kudrat, masa yang agak lama dan idea yang bernas oleh pembuat batik blok ini dan sudah pastinya akan terwujudnya lebih dari satu corak sesuatu batik blok.

iii. Negara

Kewujudan seni warisan batik blok ini juga mendapat perhatian daripada pihak kerajaan iaitu seperti Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan. Malaysia telah meletakkan industri batik blok sebagai salah satu penyumbang yang terbesar kepada negara. Dengan terwujudnya batik blok yang terdiri daripada pelbagai corak di Malaysia ini. Kmenterian ini juga dapat mempromosikan lebih banyak jenis batik blok ke serata dunia dan hal ini akan menjadikan blok batik akan terus dikenali di mata semua masyarakat yang pelbagai bangsa, agama dan budaya. Para pembuat batik blok dapat meningkatkan pendapatan mereka apabila hasil warisan seni yang dihasilkan mendapat tempat di mata masyarakat. Hal ini juga dapat memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak di mana batik blok ini diperkenalkan dari Malaysia ke serata dunia.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Tpic 1

Bahagian ini akan menyoroti kajian-kajian lepas berkaitan kertas kerja ini yang berteraskan tema kajian iaitu nilai warisan seni batik blok dalam memartabatkan seni kraf warisan negara. Seni kraf warisan negara perlu dipergiatkan bagi memeliharanya bagi rujukan generasi yang akan datang. Bangsa Melayu sentiasa dikaitkan dengan budaya yang baik, bertoleransi, lemah lembut, sopan santun dan seribu satu kebaikan yang digambarkan maka tidak hairanlah seni kraf tradisional Melayu ini menjadi satu kesenian yang bernilai tinggi darjatnya. Seni yang ada pada bangsa Melayu ini menjadi kekuatan pada seni kraf tradisional Melayu amnya di Malaysia.. Berdasarkan kajian lepas oleh (Kahn et al., 2011) warisan adalah berkaitan dengan sesuatu yang diwarisi secara turun-temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Warisan menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa dan seterusnya melambangkan ketamadunannya.

Menurut kajian lepas yang telah dikaji oleh (Kahn et al., 2011) kesenian adalah sesuatu produk, pertunjukan atau persembahan, benda atau apa-apa yang berseni yang memiliki ciri-ciri estetika, keindahan atau kecantikan. Kesenian lahir dari sentuhan rasa yang mendalam. Ianya dihasilkan untuk meninggalkan kesan kepada nurani orang lain. Kesenian mempunyai maksud yang penting bagi mencerminkan sesuatu generasi maka amatlah penting bagi kita untuk memeliharanya bagi rujukan generasi akan datang. Kesenian telah menjadi identiti dan amalan yang amat penting kepada kebudayaan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa sejak turun temurun lagi. Seni warisan kraftangan juga termasuk semua barangan seni yang menjadi tarikan masyarakat atau mempunyai tarikan unsur tradisional yang menunjukkan proses pembentukan. Pembentukan yang dimaksudkan di sini ialah pembentukan dengan menggunakan kemahiran tangan dan boleh juga meliputi penggunaan mesin atau alat-alat yang ada. (Nik Azma Nik Day, 2015) Seni warisan ini merupakan aset negara paling berharga kerana ia merupakan lambang identiti sesebuah negara.

Seni warisan ini juga dapat dikaitkan dengan seni kraftangan. Seni kraftangan adalah hasil seni yang dicipta untuk digunakan, tetapi digubah dengan memasukkan unsur-unsur seni untuk memberi bentuk yang indah dan menarik hati. Penciptaan kraftangan itu memerlukan keahlian dan kecekapan dalam penggunaan bahan-bahan asas yang teratur sejak dari proses

awal hinggalah sesuatu hasil kraftangan itu tercipta. Proses penciptaan kraftangan tersebut memerlukan daya estetika demi untuk memberikan rekabentuk yang indah dan menarik.

4.2 Topik 2

Seni warisan di atas turut dikaitkan dengan seni yang sinonim dengan bangsa Melayu di Malaysia iaitu seni batik. Batik ialah menulis titik-titik tulisan, bunga-bunga ataupun lain-lain motif pada permukaan kain. Motif-motif batik sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran zaman. Berasal daripada perkataan Indonesia 'amba' yang bermaksud menulis, dan bahasa Melayu 'titik' yang digabungkan menjadi 'batik'. Menulis titik-titik yang menyerupai bunga-bunga dan lain-lain motif kecil di atas permukaan kain putih. Seterusnya, teknik untuk menghasilkan motif-motif akan bergantung kepada zaman dan ruang. Batik blok ialah batik yang dihasil menggunakan blok atau cap dan ia juga dikenali sebagai batik terap, batik cap atau batik pukul, malah ia juga antara teknik yang terawal digunakan di Malaysia dalam penghasilan batik (Siti Nadzirah Che Mud, 2016). Seni ini juga telah mencipta karya yang telah mengangkat nama Malaysia di mata dunia. Teknik ini adalah sebahagian daripada keistimewaan masyarakat Melayu Kelantan terutamanya dalam menghasilkan motif dari teknologi ukiran kayu Melayu. Ukiran kayu yang terbentuk bercorak flora dan fauna ini menggambarkan sifat kreatif yang ada pada pengusaha batik sehingga dapat diterjemahkan ke atas kain yang dapat menghasilkan corak yang begitu menarik (Yusnita, 2015).

Menurut (Nuril et al., 2017) Batik merupakan seni kraf tekstil yang dihasilkan melalui penggunaan lilin sebagai bahan pemisah atau penghalang kepada pelbagai warna yang disapu atau dicelup ke atas permukaan fabrik ketika proses membatik dilakukan. Proses membatik merupakan penggunaan dan aplikasi bahan, kepelbagaian peralatan, adaptasi reka corak, inovasi teknik dan ekspresi kreativiti pereka atau pengkarya untuk memberikan nilai tambah bagi menunjukkan keindahan reka corak batik. Di Malaysia, teknik penghasilan batik yang popular di kalangan pengusaha batik ialah batik lukis (canting), batik blok, dan batik skrin. Secara teknikal, setiap jenis batik berbeza dari segi teknik yang digunakan tetapi secara asasnya ia melibatkan beberapa peringkat proses yang sama iaitu melukis, mewarna dan proses penyiapan akhir. Maka, teknik batik ini memerlukan kemahiran dan kerja tangan yang kreatif bagi menghasilkan produk batik yang inovatif, menarik dan berkualiti dan seterusnya dapat bersaing dengan produk tekstil yang lain. (Mohamad Akhir & Ismail, 2015)

Batik merupakan salah satu teknik yang diaplikasikan di atas kain dengan olahan kreatif reka corak yang menggunakan lilin sebagai penahan bagi menghalang warna menembusi

bahagian-bahagian yang lain di atas permukaan kain yang telah dicorakkan (Kheng, 2002). Batik terdapat dalam pelbagai bentuk. Antaranya adalah seperti batik tulis, batik skrin, batik celup, dan batik terap. Batik merupakan satu bidang kraf tangan yang unggul di Malaysia. (Abdullah et al., 2019) Penghasilan batik juga memerlukan pemikiran yang kreatif kerana reka corak atau motif merupakan sebahagian daripada elemen visual yang utama dalam menghasilkan batik. Motif lazimnya diolah dan berkembang sebagai reka corak yang menjadi perisian sebagai dekorasi bagi seni reka batik. Dalam menghasilkan reka corak kreatif dalam seni batik, lazimnya para pereka mendapat ilham daripada alam sekeliling seperti alam flora dan fauna.(Abdullah et al., 2019). Seterusnya, seni batik ini juga merupakan manifestasi daripada gerak jiwa manusia yang wujud dalam pernyataan rasa dan penghayatan. Seni Batik adalah sebuah teknik yang menggambar di atas kain dan memanfaatkan lilin dan canting sebagai bahan dan alat untuk membuatnya. Pada hakikatnya batik ini ialah satu seni yang diluahkan pada sehelai kain dengan bermotifkan flora dan fauna.(View of Teknologi Pemrosesan Batik Melayu Di Kelantan.Pdf, n.d.)

Batik dapat dihasilkan menggunakan perlbagai kaedah, antaranya dengan menggunakan kaedah batik blok. Menurut (Yusnita, 2015) batik blok menggunakan teknik cop iaitu aplikasi lilin dengan blok cop dan pewarnaan secara celupan ke dalam pewarna. Kaedah ini digunakan untuk menghasilkan batik sarung dan batik lepas yang sangat popular dalam kegunaan harian bagi masyarakat Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kaedah celupan hanya menjadikan warna lebih sekata dan datar walaupun terapan dan celupan ulangan boleh dibuat untuk mendapatkan warna akhir yang lebih banyak. Kaedah ini menjadikan proses pengeluaran batik terap dengan lebih cepat untuk permintaan pasaran.

Definisi batik di atas juga turut dikaitkan dengan kepentingan kita untuk memelihara setiap warisan budaya yang telah wujud sejak sekian lama. Seni warisan dan budaya kreatif ini perlu dipelihara agar mempereratkan perpaduan serta mempertingkatkan kualiti hidup melalui penglibatan aktif semua golongan dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan(Kahn et al., 2011) Budaya tidak akan sampai ke jiwa bangsa jika tidak dijejaki. Begitu jugalah dengan tradisi kerana iaanya tidak akan teguh berdiri, jika tidak dipateri dalam sanubari setiap anak bangsa kini. Warisan budaya tidak akan lagi ampuh bersinar jika iaanya tidak didekati dan dihayati. Maka, kajian ini kami jalankan bagi mencari sebuah mahakarya seni warisan yang terhasil dari hati yang suci terhadap akal dan budi bangsa. Hasil kajian ini dapat membantu dalam mengangkat seni warisan budaya yang menjadi lambang identiti dalam menghasilkan karya seni warisan negara.

TRANSKRIP

5.0 TRANSKRIP

TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni warisan blok batik. Bersama-sama kami ialah Encik Md. Ghani bin Mat yang merupakan seorang penggiat batik blok yang aktif di peringkat negeri Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 23 Mei 2021 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 11 pagi bertempat di di rumah pakcik sendiri iaitu di Wakaf Baru, Kelantan dan seorang lagi kawan iaitu melalui alam maya Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Adibah Sabira Binti Muhammad Bakaruddin dan juga Nur Fatin Insyirah Binti Zulkefly. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NAS : Boleh Encik ceritakan tentang latar belakang encik? Apakah nama penuh encik, umur encik sekarang?

MGM: Okay, nama Pakcik Abdul Ghani bin Mat. Pakcik dilahirkan di Pasir Mas tahun 1956. Umur Pakcik sekarang 65 tahun.

NAS : Pakcik merupakan anak yang ke berapa?

MGM: Pakcik ada lima orang adik beradik. Pakcik --. anak ketiga. Jadi kami adik beradik ni kebanyakan --. maknanya terlibat dalam pembuatan batik macei [macam] abang saya yang sulung tu dia apa ni tahu mengecop tapi dia sudah arwah [meninggal] lah. [sudah meninggal] tinggal kami empat beradik jah [sahaja]. Kami ni memang terlibat dengan batik.

NAS : Siapa nama isteri pakcik [pakcik]? Berapa lama dah pakcik kawin dengan isteri pakcik?

MGM: Nama isteri pakcik Rohani binti Mamat. Berkahwin ya tadi?

NAS : Ha [Ya] berapa lama dah [sudah] ?

MGM: Berkahwin lebih kurang 35 tahun --. 45 tahun gitu [macam tu] la, lebih kurei [kurang].

NAS : Pakcik ada berapa orei [orang] cahaya mata dan namo [nama] mak ayah pokcik [pokcik]?

MGM: Mak ayah dulu [mula mula] lah. Bapa saya nama Mat bin Ismail, ibu pakcik nama Che Aminah binti Haji Abdullah dan anak pakcik semuanya ada lima orang, tiga lelaki dan dua perempuan.

NAS : Okay, Fatin untuk menanyakan soalan.

NFI : Okay pakcik, boleh saya tahu bila pakcik mula menceburkan diri dalam bidang blok batik ini? Pada tahun bila? Dan bilakah tarikh yang pakcik menceburi bidang blok batik ini?

MGM: Pakcik tak [tidak] boleh cerita tarikh yang tepat tapi pakcik boleh agak - agak sahaja tarikh tu.

NFI : Okay okay.

MGM: Masa tu [Ketika itu], pakcik berumur lebih kurang 25 tahun umur, mungkin tahun 70 hei [an] (sembilan belas tujuh puluh) lah, lebih kurang gitu [macam itu]. Pakcik pun tak [tidak] ingat, yang tepat tu pakcik tak [tidak] ingat, tapi pakcik ingatnya umur pokcik [pakcik] 15 atau 16 tahun. Tu pun [itu pun] boleh agak – agak jah [sahaja], pasal [sebab] pokcik [pakcik] tak [tidak] pernah buat catitan [catatan] masa tu [ketika itu], tapi pakcik buat blok ni [ini] mungkin 45 tahun lah *career* [pekerjaan] pakcik dalam bidang blok batik ini 45 tahun. Okay.

NFI : Oh , satu waktu yang sangat lama. Okay, siapakah yang memperkenalkan seni blok batik ini kepada pakcik?

MGM: Dia sebenarnya, ceritanya gini [seperti ini], dulunya [ketika itu], pakcik pernah bekerja tempat batik, pakcik tidak pernah tengok orang buat blok batik ini, tapi kita tengok blok batik kan, bila pakcik tengok blok batik, pakcik rasa tertarik, ingin tahu pasal blok batik. Bila kita tengok blok batik dok [kan], kita macam mati akal, macam mana cara buat blok batik ini. Jadi situ [dari situ] saya raso [berasa] berminat lah. Maksudnya, pakcik pun ada sikit – sikit [sedikit – sedikit] tahu melukis kei [kan] – tahu melukis. Jadi, pakcik pun tanya kawei – kawei [kawan – kawan] lah, kat [dekat] mana ada buat blok batik. Kebetulan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

[kebetulan] kawan pokcik [pakcik] tu, dia ada kenal tempat buat blok batik.
Gitu lah [begitulah]--. Jadi, kawan pokcik [pakcik] ni [ini]--.

NFI : Maksudnya minat tu datang dari minat pakcik sendiri.

MGM: Ha [Ya] ya.

NFI : Okay, selepas pakcik teringin untuk menceburi bidang blok batik, apakah corak dan motif yang pertama yang pakcik hasilkan?

MGM: Dia gini [begini], motif ini biasanya pengusaha batik bawa design [corak] dia kan. Kadei – kadei [Kadang – kadang] – mintak pertolongan daripada kita --. Merekacipta *design* [corak] tapi biasanya kita cari *design – design* [corak – corak] macei [macam] flora ko [atau] fauna. Gitu lah [begitu lah]. *Design* [corak] bunga – bunga kita olah.

NFI : Okay.

MGM: Biasa zamei [zaman] dulu [dahulu]- zamei [zaman] dulu [dahulu] kei [kan].

Blok batik ini, dia ke arah design [corak] corak - corak Indonesia design [corak] dia. Jadi, kita biasanya ikut corak – corak Indonesia lah masa [ketika] tu [itu]. Pasal [sebab] blok – blok Indonesia, batik Indonesia dia popular kan macam terikut – ikut dengan cara gaya design [corak] dia apa semua. Okay, faham tak?

NFI : Faham.

MGM: Okay.

NFI : Okay, berapa lama pakcik ambil masa untuk mahir dalam blok batik ini? Pada awalnya, waktu pakcik mula – mula menceburkan diri, berapa lama masa pakcik ambil untuk betul – betul [sangat] mahir dalam bidang blok batik ini?

MGM: Ya – ya. Seingat – ingat pokcik [pakcik] lah dok [kan], pakcik masuk belajar sambil kerja tu dok [kan], lebih kurei [kurang] dua tahun. Pahtu, [Selepas itu], pokcik [pakcik] keluar daripada menjadi pekerja membuat blok itu. Pokcik [pakcik] buat sendiri lah – buat sendiri. Bukak [buka] mana bengkel kecil [kecil] lah. Bengkel pokcik [pakcik] bawah rumah gitu [begitu] je [sahaja].kan, kecil – kecil [kecil – kecil] gitu [begitu] --.

NFI : Oh.

MGM: Masa [ketika] tu [itu], dua tahun lah. Maksudnya dua tahun lah pakcik belajar sampai pakcik rasa mahir.

NFI : Waktu pakcik mula – mula nak [hendak] membuka bengkel.

MGM: Ya.

NFI : Waktu pakcik mula – mula nak [hendak] membuka bengkel, berapa kos pakcik, modal yang pakcik keluarkan?

MGM: Oh, memang tak [tidak] banyak. Modal dia kita pakai beli benda – benda gini [seperti ini] lah [sambil menunjukkan alat pembuatan blok batik] mawar untuk teri [pateri] kei [kan]. Tak [tidak] banyak, mungkin dua tiga ratus je [sahaja] masa [ketika] tu [itu] lah.

NFI : Okay.

MGM: Modal dia kecil [kecil] sangat, perlukan kemahirei [kemahiran] je [sahaja]. Macei [macam] zink gapo [semua] ko [atau] tembaga ke, murah je [sahaja] masa [ketika] itu. Tapi sekarei [sekarang] ni [ini] memei [memang] meningkat sikit [sedikit] lah harga dia mahal sikit [sedikit] lah --. Okay.

NFI : Okay, siapakah idola pakcik dalam bidang blok batik ini?

MGM: Idola saya tu [itu], ada satu pengusaha blok batik lah.

NFI : Okay.

MGM: Dia ni [ini], dia bukei [bukan] guru saya tapi saya minat dengan cara dia mengusahakan blok batik ni [ini]. Nama dia Nik Noor – Nik Noor kita panggil dia lah kat [di] sini. Tapi dia sudah jadi [menjadi] arwah [meninggal] dah [sudah] --. Tapi, saya minat dengan cara dia buat *business* [perniagaan], kemahirei [kemahiran] dia buat blok. Dia pakai [menggunakan] pekerja ramai juga lah, dalei [anggaran] 10 orang juga lah. Masa [ketika] itu saya kerja dengan bos [majikan] lain, pengusaha blok batik yang lain. Masa [ketika] itu, bos [majikan] saya ni [ini], dia mempunyai pekerja ramai juga lebih kurang 10 orang gitu [seperti itu] lah termasuk saya, masa [ketika] itu. Okay.

NFI : Seperti mana pakcik cakap tadi, pakcik mempunyai seorang idola. Idola pakcik tu [itu] dah [sudah] lama dah dalam bidang blok batik ini sehingga pakcik menjadikan dia sebagai idola?

MGM: Ya, dia memang la. Dia buat kerja pun macam pakcik juga la zamei [zaman] itu pun. Mungkin dia daripada remaja lagi dia buat blok. Tapi pakcik pun tak [tidak] berapa tahu juga pasal [mengenai] kehidupan dia kan, sejarah dia pun pakcik tak [tidak] berapa tahu. Cuma, pakcik pergi berkawan dengan dia gitu [begitu] je [sahaja] lah, berbincang pasal [topik] blok ke [atau] apa. Tapi kita tengok dia tu [itu], memang ada kemahiran tinggi juga lah pasal [topik] bidang blok. Okay.

NFI : Pakcik mempunyai minat dalam bidang blok batik, pernahkan pakcik menyertai apa - apa pertandingan dalam menghasilkan blok batik?

MGM: Ya, memang ada. Dulu [dahilu], pada tahun = pakcik sentiasa *follow* [mengikuti] --. Hari Kraf Kebangsaan – Hari Kraf Kebangsaan kan, biasa dia buat dok [kan] setahun sekali. Bulan dua tu sentiasa dia *start* [bermula] buat di KL [Kuala Lumpur] di Conlay, Jalan Conlay kan. Jadi, pokcik [pakcik] ni [ini] sentiasa dipanggil oleh kraftangan untuk buat demonstrasi ke [atau] apa kan. Lepas [Selepas] itu, pokcik [pakcik] ada lah barei [barang] yang pokcik [pakcik] baru reka benda ni [ini], blok ni [ini] masukkan dalam *frame* [bingkai]. Jadi, untuk perhiasan dinding lah. Jadi, hari itu pakcik saja [mencuba] je [sahaja] nak [hendak] masuk pertandingan kan, nak tunjuk barei [barei] pakcik ni, barei [barang] baru lah kira [kiranya]. Pasal [sebab] takdok [tiada] lagi orei [orang] buat kei [kan].- takde [tiada] orang buat. Jadi, pakcik cuba masuk pertandingan dalam bahagian logam. Bila [apabila] masuk dalam bahagian logei [logam], pakcik dapat tempat yei [yang] pertama lah dalam bidang logam. Dia banyak kategori, kayu, batik. Dalam empat kategori, pakcik pun tak ingat dah berapa kategori. Tapi pakcik dapat tempat pertama dalam bidang logei [logam] lah masa [ketika] itu. Tahun 1913 rasanya, eh tahun 2013. (sambil tersenyum), *sorry sorry* [maaf maaf] (ketawa kecil) – 2013. Ha tu lah. [itu sahaja lah].

NAS : Apakah perasaei [perasaan] pokcik [pakcik] maso [ketika] sertai tu? Banyak [banyak] dok [kah] persaingan dalam menghasilkan blok batik tu? Memandangkan seni blok batik tu popular dekat negeri Kelantan sekarang.

MGM: Terlibat dengan pertandingan tadi lah? (sambil membuat blok)

NAS : Ho [Ya]. Banyak dok [Banyak kah] persaingei [persaingan]?

MGM: Dia gini [macam ni], logam ni, memei [memang] takde [tiada] persaingei [persaingan] lah. Pakcik ni masuk dalei [dalam] bidei [bidang] blok batik sajo [sahaja]. Orei [orang] lain dia masuk dalam perhiasei [perhiasan] macei [macam] perok [perak] ke dok [kan]. Benda dalei [dalam] bentuk logei [logam] lah. Kebanyakkei [kebanyakkan] perok [perak] lah banyak [banyak] masuk nyo [kan]. Pokcik [pakcik] masuk dalam bahagian blok batik je [sahaja], Pasal [sebab] dia pun dalei [dalam] kategori logei [logam] juga kei [kan]. Jadi, dalei [dalam] blok batik ni, pakcik sorei [seorang] je [sahaja] masuk nyo [kan]. Tapi bila diorei [orang lain] tengok ada kelainaei [kelainan], ada tarikei [tarikan] pokcik [pakcik] buat blok (sambil menunjukkan isyarat tangan) tu macei [macam] perhiasei [perhiasan] dinding (sambil menunjukkan isyarat tangan) Allah, Muhammad. Allah tu kanei [kalimah Allah itu di sebelah kanan], kiri tu Muhammad. (sambil menunjukkan isyarat tangan). Jadi dalei [dalam] *frame* [bingkai] gitu [macam itu] lah (sambil menunjukkan isyarat tangan). Jadi dia napok [nampak] benda baru kei [kan], lepas tu [selepas itu] kita spray [sembur] apa ni kito [kita] buat celup ni pulok [pula] celup emah [emas] gapo dok [itu kan] (sambil menunjukkan isyarat tangan). Benda tu nampak [nampak] menarik lah. Nampak kilat [berkilat] ke apa. Jadi, kos [bayaran] dio [bayarannya] mahal jugok [juga] kito [kita] buat blok tu, - kos tu mahal juga. Jadi, nak kiranya takdok [tiada] persaingan [persaingan] lah. Macei [macam] sama [antara] blok ni takde [tiada] lah. Cuma kira ada saingei [persaingan] tu, macei [macam] dengan pembuat perok [perak] lah. Barei [barang] dia tu halus lagi (sambil menunjukkan isyarat tangan). Tapi mungkin lah perok [perak] ni sentiasa orang sentiasa tengok. Macei [macam] kalau kito [kita] gak [kan], benda dah lama lah. Tapi bila pakcik memasukkan blok ni dia napok [Nampak] kelainaei [kelainan] atau pun pembaharuwei [pembaharuan] kei

[kan].(sambil menunjukkan isyarat tangan). Itu lah mungkin dia pilih pokcik [pakcik] sebagai pemenei [pemenang] (sambil memegang blok).

NAS : Adakah proses buat batik blok corak ni menarik ni rumitkei [merumitkan] pokcik [pakcik]?

MGM: Kalau kira memei [memang] rumit lah pasal [sebab] kita buat kajiei [kajian] pun dok [kan]. Kalu [kalau] benda ni tak rumit, (sambil menunjukkan isyarat tangan) memei [memang] kita akan ramai pengusaha buat blok batik. Benda ni memei [memang] tak ramai pembuat blok batik ni (sambil menunjukkan isyarat tangan), itu menunjukkan sesuatu perkara atau benda yang rumit lah. Susah nak dibuat (sambil menunjukkan isyarat tangan). Pasal [kerana] kita ada pembuat blok pun tak ramai lah (gangguan bunyi) sekarang ni pengusaha mungkin ada dua atau tiga pengusaha (sambil menunjukkan isyarat tangan). Macei [macam] pokcik [pakcik], (gangguan bunyi). Tak ramai (sambil menunjukkan isyarat tangan), pasal [sebab] apa ni, permintaan banyak [banyak], tapi pembuat blok ni takdok [tiada]. Itu kita buat kajiyei [kajian] bahawasanya blok ni memei [memang] susah [susah] untuk dibuat, memei [memang] rumit (sambil membuat blok).

NAS : Adakah pembuatan produk ni dia guna peralatan – peralatan yang mudah [mudah] didapati di mana – mana?

MGM: Buat masa [ketika] sekarang ni, memei [memang] ada suatu benda yang susah nak dapat. Pasal [kerana] dia.--. Pasal [kerana] dia terlibat nga [dengan] PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) sekare [sekarang] dok [kan]. Jadi, barei [barang] tu [itu], diorei diorei [diorang] =. Pasal [kerana] barei [barang] kita macei [macam] tembago [tembaga] ke apa dok [kan], dio [dia] akan import kepada luar negara (sambil menunjukkan isyarat tangan), dok [kan]?. Sekarang ni kita susah nak cari nya (sambil menunjukkan isyarat tangan) tembaga. Tembaga kuning yang selalu kita buat ni susah nak dapat. Pasal [kerana], pada pendapat apa ni penjual lah apa ni pengedar tembaga ni dia oyak [memberitahu] susah [susah] pasal [disebabkan] PKP (Perintah Kawalan Pergerakan). Dia tokleh [tidak boleh] nak order [pesanan] benda ni dari luar negara. Jadi, (sambil menunjukkan isyarat tangan) kami kena [perlu] fikir bila takde [tiada]

tembaga ni kena [perlu] buat dengan benda mana [benda apa]. Sekarang boleh buat lagi, ada lagi lah barei [barang] tu [itu]. Sekarei [Sekarang] lah nak cerita nya, setelah ada PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) ni, benda tu jadi tak ada [tiada], macei [macam] pupus dah tembaga. Kita guna tembaga beras ni tembaga kuning lah. Tembaga merah tu ada, tapi dia dalam keadaei [keadaan] tebal. Jadi, kita susah [susah] nak buat kerja. Jadi, kalau [kalau] barei [barang] lain tu memei [memang] ada lah. Boleh cari lah, timah tu memang ada lagi. Tak tahu lah sikit [sedikit] hari lagi takut nya takda [tidak ada]. Bila takdok [tiada] barei – barei [barang – barang] ni, kita raso [rasa] mungkin pupus lah. Blok batik akei [akan] takdok [tiada] pembuatnya.

NAS : Berapakah kos perbelanjaei [perbelanjaan] macei [macam] cik [pakcik] menggunakan kos tu mengikut kesesuaian bahan ko [kah]?

MGM: Kos - kos blok eh?

NAS : Ha [Ya].

MGM: Dia biasa jah [sahaja]. Kita =. Kos dia ni biasa kalau [kalau] tembaga tu banyak tu banyak tu lah kos dia nya. Kita akei [akan] nilai pulok [juga] lah. Kalau [kalau] blok yang besar kei [kan] dok [kan], maknanya kita menggunakan tembaga yang banyak, timah yang banyak. Harga dia akei [akan] jadi lain penjualan kita. Kos dia gitu [seperti itu]. Sama je [sahaja], kalau [kalau] kita - blok kecil kegunaan tembaga sikit [sedikit], timah sikit [sedikit], harga dia murah. Kalau [kalau] hok [yang] besar tu dia banyak. Kita akei [akan] nilai lah. Nilai kita pun agak – agak [anggaran] jugak. Tapi kita boleh tahu lah agak – agak [anggaran] kita.

NAS : Lokasi ni memang terletak di sini ke pokcik [pakcik]? Untuk hasilkei [hasilkan] blok batik ni. Sini? [di bengkel ini?]

MGM: Memang tempat ni lah. Tapi, kebanyakkei [kebanyakkan] dok [kan], pembeli blok ni kebanyakkei [kebanyakkan] sebelah – sebelah [sebelah - sebelah] negeri. Sebelah luar lah kiro [kiranya]. Jadi, kita akei [akan] pos je [sahaja] lah. --.

NAS : Strategik lah tempat ni kei [kan]?

MGM: Ha [Ya] Ya lah. (sambil memegang alat membuat blok batik)

NAS : Boleh pokcik [pakcik] beritahu berapa bilangan ahli pekerja pokcik [pakcik] setakat ni?

MGM: Setakat ni, pokcik [pakcik] tak [tidak] ramai pekerja dalei [anggaran dalam] (sambil mengira dengan menggerakkan tangan) empat orei [orang] pembantu. Tapi dia tidok [tidak] =. Dia bukei [bukan] nya, makna buat (sambil menunjukkan isyarat tangan) *direct* [secara berterusan] sari [sehari] dia kijo [berkerja] kei [kan]. Bukan kato [Bukannya] lapan jei [jam] ko [ke] dia kijo [berkerja]. Dia – [Dia] ada kerja lain, cuma dia bantu kita belah [sebelah] malam dia buat. Kei? [Kan?] Male, [Waktu malam] kalu [kalua] dia ada masa free [terluang], dia buat. Jadi, dia tidok [tidak] tumpu seratus peratus kepada pembuatei [pembuatan] blok. Dia ada kijo [kerja] lain pulok [juga].

NAS : Pakcik rasa tenaga pekerja tu mencukupi tak?

MGM: Kalu [kalau] mengikut kepada sekarei [sekarang] dok [kan], memei [memang] kita memerlukan pekerja. (sambil memegang telinga). Tapi, masalah nya nak cari pekerja tu memei [memang] susah [susah]. Pasal [Kerana] diorei [diorang] tidak berminat pasal [tentang] benda gini [seperti ini]. Benda ni susah [susah] sikit [sedikit] kan. Jadi, dio [dia] – [dia]. Diorei [Diorang] ni nak kerja senang je [sahaja]. Dok? [Kan?]. Orei [Orang] loni [zaman sekarang] nak kerja senei [mudah]. Contoh lah deh [kan], kalu [kalau] dia gi [pergi] kijo [kerja] tepak [tempat] apa ni, pam minyak [minyak] kan, dia boleh kijo [kerja], boleh dapat gaji yang menarik lah dok [kan]. Macei [Macam] kata buat blok ni susah [susah]. Mulo – mulo [Pada awalnya], mari [datang] keno [perlu] belajar dulu [dahulu] (sambil menunjukkan isyarat tangan). Kita tak boleh nak bagi gaji mahal kan mugo [kerana] dia tak pandai lagi. Kita tak boleh dapat hasil dia lagi dok [kan]. Dia akan belajar dulu [dahulu]. Kita akei [akan] buwi [beri] semua tak banyak lah. Masa [Ketika] belajar, gaji dia kena [perlu] banyak sikit [banyak juga]. Diorei [Diorang] nak [hendak] gaji banyok [banyak]. (sambil memegang blok batik) Jadi, susah [susah] masaloh [masalah] kita. (meneruskan membuat blok batik).

NAS : Sebelum pokcik [pakcik] memulakan perniagaai [perniagaan] blok batik ni, apakah persiapan – persiapan penting yang perlu dititikberatkan [dititikberatkan]?

MGM: Kena [Perlu] buat design [corak] yang menarik lah. Kita buat *design* [corak] yang menarik, lepa tu [selepas itu], kita rasa blok ni okay, boleh dijual. *Design* [Corak] paling penting, lepa tu [selepas itu] baru kita boleh =. Saya rasa *design* [corak] lah paling penting, yang mula – mula [awal – awal] sekali. (sambil membuat blok batik)

NAS : Dia mengambil masa yang lama tak untuk lakukan [melakukan] persiapei [persiapan] ni?

MGM: Tak lama (sambil memegang alat pembuatan blok batik). Pasa nya [Kerana] dah *ready* [sedia] dah. Kita ada buat persiapei [persiapan] dah. Semua tu ada di meja dah (sambil menunjukkan isyarat tangan). Kita cuma buat je [sahaja]. Start [bermula] pagi, bangun pagi *start* [bermula] buat kerja. Pasa [Kerana] benda ni dah ada di meja (sambil menunjukkan isyarat tangan). Kalu [Kalau] kita nak buat persiapan pun, mungkin kita bersihkan meja apa semua. Gitu [Macam itu] lah, jangei [jangan] buwi [buat] sepo [sepah]. Bersihkan meja. (sambil melakukan proses membuat blok).

NAS : Persiapan ni dia perlu bahei [bahan] hok [yang] mudah didapati lah kei [kan]?

MGM: Ha [Ya], benda tu sudah ada. Kita sudah buat persiapan dah. Macei [macam] contoh tembaga ke apa, kita potong lah. Kalu [Kalau] kita tak buat kerja, kita potong dulu kecik – kecik [kecil – kecil] je [sahaja]. Macei [Macam] saiz dia kecik [kecil] gini [seperti ini] (sambil menunjukkan rupa bentuk dan saiz bahan blok). Mula ada design, baru kita lentur semua biar jadi macam ini (sambil menunjukkan bahan blok). Kita lentur lah ini (sambil menunjukkan pada blok yang telah dilentur).

NAS : Okay, bagi ruang untuk Fatin menanyakan soalan.

NFI : Okay, pakcik. Sepanjang pakcik menghasilkan produk blok batik ni, apa yang membuatkan pakcik bersemangat untuk meningkatkan hasil mutu

penghasilan blok batik atau pun dengan erti kata lain, apa yang membuatkan pakcik bersemangat untuk terus meneruskan diri dalam bidang blok batik?

MGM: Okay, sebenarnya buat kerja ini dia kena ada satu minat lah kei [kan]. Kerja apa – apa sekali pun kena ada satu minat. Kalau kita tidak berminat, benda tu tak jalan.

NFI : Betul.

MGM: Kan? Jadi semangat itu, dia sebenar datang dengan sendiri jugok [jugak] kan, dia daripada (sambil mengangkat tangan kanannya) =. Katakanlah daripada malam itu, kita sudah niat semangat kita, besok [esok] aku nak [hendak] buat benda ini. Kei? [Kan], saya akan buat benda ini sampai jadi walaupun benda itu -- susah ke, kita sudah kena [perlu] tanam semangat daripada male [malam] lagi. Besok [Esok] aku kena [perlu] bangun pagi, aku akan melakukan benda ini supaya sampai dia menjadi kei [kan], gitu [begitu] je [sahaja] lah. [gangguan bunyi enjin kereta]

NFI : [gangguan bunyi enjin kereta] Adakah produk blok batik pakcik ini telah dikomersialkan sehingga ke peringkat antarabangsa atau hanya di dalam Malaysia sahaja?

MGM: Ada. Tetapi tak [tidak] banyak lah. Dulu [Ketika itu] saya ingat ada lah macei [macam] pengusaha daripada *England* (Eropah) kei [kan], dia datang cari saya kan. Dia pun =, dia dulu [kerika itu] belajar buat batik kat [dekat] Penang kei [kan]. Daripada cerita dia lah, tetapi dia takde [tiada] blok batik. Jadi, cuba cari pembuat blok batik ini. Menempah blok tak [tidak] banyak lah, dale [dalam] dua tiga blok begitu je [sahaja]. Jadi, bila (sambil menunjukkan isyarat tangan) dia sudah mahir buat blok, belajat apa dekat Penang itu (sambil menunjukkan isyarat tangan), dia balik dekat negeri dia. Balik ke negeri dia, dia jadi tenaga pengajar dekat sana. Jadi, dia takde [tiada] blok. Jadi, dia beli blok – blok saya lah. Seingat saya sekali itu je [sahaja] dia beli, dia takdok [tiada] dah *contact* [meghubungi] ke apa ke. Mungkin dia ada alternatif lain, saya pun tak tahu lah kei? [kan]. Itu je [sahaja] saya ingat. Cina pun ada jugok [jugak], orei [orang] cina pun datang jugak. Dia pergi tempat saya

demonstrasi kei [kan], dia tengok blok saya. Dia pun beli lah, tetapi daripada negeri China lah. Banyak lah juga.

NFI : Oh, maksudnya dia beli dan dia buat di sana lah?

MGM: Bukan, tak tahu -. Dia beli blok – dia beli blok ini.

NFI: Dia memudahkan blok batik --.

MGM: Mungkin untuk bowok [bawa] ke negara dia (sambil menunjukkan isyarat tangan) untuk buat kajian ke. Saya pun tak tahu jugok [juga]. Mungkin dia suruh negara dia (sambil menunjukkan isyarat tangan) cuba buat blok macam kita buat ini lah, dia membuat kajian dia sendiri lah.

NFI : Pada pendapat pakcik, apakah pandangan masyarakat sekarang mengenai blok batik? Pakcik rasa masyarakat sekarang masih ingin tahu tentang blok batik atau pun sudah tidak berminat?

MGM: Dia gini [macam ini], dia memei [memang] kadang – kadang dia memang tak tahu pun cara batik kan, tetapi bila [apabila] kita buat demonstrasi, dia akei [akan] – dia akei [akan] tanya jugak lah kita. “Oh macam ini buat blok batik”. Gitu [begitu] je [sahaja] lah (sambil menunjukkan isyarat tangan), tetapi dekat KL [Kuala Lumpur] kita selalu buat, dekat Kelate [Kelantan] kita pun kita ada buat demonstrasi jugok [juga]. Jadi, mana – mana yang tak tahu patut [betul lah] dia kata [cakap] batik ini mahal kei [kan]. Rupanya buat benda ini susah dia kata [cakap]. Baru dia kan berfikir lah mengatakan bahawasanya batik mahal ini kerana benda ini kei [kan]. Benda ini susah dibuat. [gangguan bunyi motor] Okay, ada lagi soalei [soalan]?

NFI : Okay, apa perkembangan blok batik yang pakcik boleh ceritakan bermula dari awal penglibatan pakcik dalam bidang ini sehingga sekarang, apakah perkembangan yang pakcik dapat nampak dalam bidang blok batik ini?

MGM: Pakcik nampak benda ini memei [memang] berkembang lah, pasal [sebab] gini [macam ini], dulu [ketika itu] kita =. Batik blok ini dok [kan], (sambil menunjukkan isyarat tangan), dia =, sepenuhnya kita buat batik blok. Di – di Malaysia kei [kan] dok [kan], kita mula – mula, = mulai dengan batik blok.

Selepas itu, kira ada batik lukis kei [kan] (sambil menunjukkan isyarat tangan).
Batik lukis ini batik canting lah kei [kan]. Kami jadi pupus.

NFI : Ha [Ya], canting,

MGM: Pembuat blok batik ini dulu [pada zaman dahulu] ramai. Tahun 70 – an (sembilan belas tujuh puluh) ini memang ramai lah. Macam pencanting sekarang, jadi bila [apabila] timbul batik lukis, diorang lupakan batik blok (sambil menunjukkan isyarat tangan). Semua pakat [semua orang] beli batik lukis pasal [kerana] benda baru kei [kan]. Tetapi sekarang ini, pada tahun 2000 ni dok [kan], lebih kurei [kurang] 2000 [tahun 2000], nampaknya batik blok ini orei [orang] = timbul balik [semula]. Keinginei [Keinginan] pembeli itu ke arah blok batik pasal [kerana] (sambil menunjukkan isyarat tangan) dia nampak kelainei [kelainan] jugok [juga] kei [kan]. Tak sama lah maknanya, kalau batik lukis dengan batik blok ini ada kelainei [kelainan], tetapi tak kan [tidak akan] lah kata [misalan] =. Kita beli batik ini tak kan [tidak akan] lah nak [hendak] batik lukis semuanya kei [kan] dok [kan]. Batik blok pun kita nak [mahu] jugok [juga], campur – campur lah kei [kan].

NFI : Kita nak [hendak] kepelbagaian.

MGM: Ya – ya. Ya lah. (sambil membuat blok batik)

NFI : [gangguan bunyi burung] Setelah pakcik menceburi bidang ini, pakcik pernah terfikir tak, nak [hendak] beralih ke bidang ke bidang yang lain?

MGM: Dulu [Dahulu] memei [pernah] (sambil menunjukkan isyarat tangan) saya pernah juga beralih kepada benda lain kei [kan]. Macei [Macam] saya =, saya minat juga buat batik, tetapi bila [apabila] (sambil menunjukkan isyarat tangan) kita cuba nak [hendak] buat batik kan, tetapi kita raso [raso] susah kita nak [hendak] *start* [memulakan] sesuatu perkara, sesuatu benda dok [kan], susah nak [hendak] cari pelanggei [pelanggan]. Bila [Apabila] blok batik ini kita sudah ada pelanggei [pelanggan] kei [kan]. Pelanggei [Pelanggan] kita dah [sudah] ada. Jadi, kita kena cuba fikir – fikir nak [hendak] buat, susah ini [amat sukar]. Pah pulok [Selepas itu], buat batik ini modal banyak. Buat blok ini dia tak banyak modal -. Kecil – kecil je [sahaja]. Saya pernah buat batik, tetapi tak boleh, mungkin rezeki saya buat blok je [sahaja] lah (sambil menunjukkan

isyarat tangan). Rezeki pakcik mungkin buat blok je [sahaja], tetapi kalau [kalau] pakcik tak buat blok dok [kan], orei [orang] lain pun susah [sukar] jugalah macei [seperti] pembatik – pembatik lain kei [kan] nak buat batik blok --, (sambil ketawa kecil). Maknanya takdok [tiada] kijo [kerja] lah kalau pokcik [pakcik] tidak teruskan membuat blok batik kei [kan].

NFI : Setakat ini memang pakcik ada pembeli tetaplah untuk blok batik ini?

MGM: Ha [Ya], Ya. Pakcik tak cukup tangan [tidak menang tangan] nak kira, banyak pakcik tolak [menolak untuk menerima tempahan] jugok [juga]. Ada macei [macam] tempahan daripada =, dah ramai sangat pelanggei [pelanggan] kei [kan]. Pakcik terpaksa tolak (sambil menunjukkan isyarat tangan). Pakcik pilih – pilih nampak pelanggan yang berkualiti itu, pakcik teruskan buat blok dia.

NFI : Okay, pakcik ada empat orang pekerja kan? [gangguan bunyi alat pembuat blok batik]

MGM: Ya. (sambil membuat blok batik)

NFI : Jadi, pakcik dah turunkan semua ilmu berkenaan dengan penghasilan blok batik ini kepada semua pekerja pakcik lah?

MGM: Ya. (sambil menganggukkan kepala)

NFI : Atau pun pakcik ada juga memperturunkan ilmu kepada orang lain juga?

MGM: Ada. Saya sekarang ini turunkan ilmu kepada anak pokcik [pakcik] – sekarang ini.

NFI : Okay

MGM: Pasa [Kerana] memandangkan pihak luar -, budak – budak lain lah tak berminat. Jadi, sekarang ini saya latih anak saya lah supaya dia dapat meneruskei [meneruskan] generasi buat blok batik kei [kan]. Tetapi, orei [orang] lain mungkin dia kena [perlu] =. Buat blok batik ini, dia kena [perlu] =, menjadi pengusaha batik ini kena [perlu] ada bakat sendiri lah. Kita kena [perlu] pandai melukis ke apa,

NFI: Dan juga minat.

MGM: Kena [Perlu] pandai merekacipta. Ha [Ya], minat itu kena [perlu] ada. Jadi, dalei [dalam] kalangei [kalangan] pekerja pokcik [pakcik] ini, ada dua tiga orei [orang] ini dia – dia tak tahu [tidak pandai] melukis. Dia tidak pandai melukis, mungkin harapei [harapan] dia nak [hendak] jadi pengusaha batik itu ---, pengusaha blok batik ini sukar sikit [sedikit] lah bagi dia. Dia kena [perlu] sekali dengan kita, keseluruhan bakat kita itu, (sambil menunjukkan isyarat tangan) hendak ada sekali lah. Maksudnya, pandai melukis, kerajinan kita dok [kan] (sambil mengira), berusaha lebih, gigih ke. Situ [Itulah] susah sikit [sedikit] untuk jadi pengusaha batik – pengusaha blok batik.

NFI : Okay, jadi orang yang pertama yang pakcik perturunkan ilmu ini merupakan anak pakcik atau pun pekerja pakcik?

MGM: Anak saya ini dia baru – baru cebur [menceburi] jah [sahaja] apa-, pekerja pakcik ini memei [memang] dia dah lama dah. (sambil menunjukkan isyarat tangan). Dia baya [sebaya] dengan pakcik dah pekerja ini. Dia terlibat dengan pakcik pun sekali belajar buat blok batik – blok batik, gitu [begitu] lah.

NAS : Apakah batik ini, [gangguan bunyi burung] menurut pandangan pokcik [pakcik]?

MGM: Batik ini sebenar dia sejarah orang melayu lah kei [kan]. [gangguan bunyi burung] Kita sepatutnya akan meneruskan perjuangan batik. Peralnya [Sebab] batik ini adalah pakaian daripada dahulu lagi, [gangguan bunyi burung] zamei [zaman] datuk dengan nenek kita lagi batik ini sudah wujud kei [kan]. Sebelum benda – benda lain, batik lain wujud. Batik kita ini sudah wujud, jadi kita harap lah dok [kan], maknanya pengguna ini suka atau berminat pada batik kita, yang dihasilkan oleh batik – batik kita sendiri lah.

NAS : Dari manakah asalnya batik?

MGM: Batik sebenar berasal daripada Indonesia, tetapi dia =, mula mula sekali berlakunya apa ni, bermula batik dijual, dibuat di Kelantan batik ini. Di Kampung Sireh (Kelantan) tu, memang ada pengusaha batik lah. Dia *order* [memesan] (sambil menunjukkan isyarat tangan) macam batik Indonesia – daripada Indonesia, jual kepada penduduk – penduduk di Kelantan lah masa itu. Selepas itu, bila [apabila] diorang ulang – alik ke Indonesia, diorang bawa pula

pekerja gapo [semua] kei [kan]. Pasal [Sebab] dia nak memudahkan usaha niaga dia ini, bawa pekerja, bawa pembuat blok batik, pembuat batik. Lama – lama [Lama – kelamaan] diorang mahir lah. Masa [Ketika] itu, pengusaha batik ini, dia = nama dia nya, lupa juga nama dia. Tetapi syarikat dia itu Syarikat Samasa (Malaysia) lah. Mula – mula [Pertama] sekali buat batik di Kelantan. Selepas itu dia ada pembuat blok batik dia, dia latih lah. Dia latih buat blok batik, setahu saya itu lah sejarah dia. Kalau nak tahu *detail* [terperinci] lagi kena [perlu] tanya pengusha batik – pengusaha batik itu sendiri lah. Syarikat Samasa, memei [memang] sejarah dengan dia banyak pasal batik. [gangguan bunyi kucing]

NAS : Bagaimana batik ini mula diterima secara meluas di Malaysia ini?

MGM: Batik mula – mula diterima kei [kan], batik ini biasanya orei [orang] daripada Indonesia itu lah menetap (sambil menunjukkan isyarat tangan) apa semua di =. Dia sudah popular [terkenal] di Indonesia dengan batik semua (gangguan bunyi), pakayei [pakaian] [gangguan bunyi kucing] orang melayu lah masa itu. Masa itu lah dia *popular* [terkenal] nya, jadi orang Indonesia ini (sambil menunjukkan isyarat tangan) akan masuk ke Malaysia. [gangguan bunyi kucing] Dia akan bawa teknologi, batik dia pakai di Kelatey [Kelantan] [gangguan bunyi kucing] ini dok [kan]. [gangguan bunyi pada laptop] Selepas itu, dia tunjukkan di negeri lain apa semua, itu setahu saya lah secara *detail* [terperinci] nya.

NAS : Mengapa jenis batik yang terdapat di Malaysia ini dan berapa jumlah setakat ini hok [yang] pakcik ketahui?

MGM: Batik setahu saya, batik canting dengan batik blok je [sahaja] lah. Tetapi batik sarung pun =. Mula – mula sekali pada tahun 70 – an (sembilan belas tujuh puluh) tu, kita semua ini memakai batik ini, dia buat batik sarung – batik sarung kei [kan]. Biasa orang kita pakai kat [dekat] rumah kei [kan], sekarang ini tak – tak bawa gi keluar dah, Dulu [Pada zaman dahulu], tahun 70 – an (sembilan belas tujuh puluh) pun ada lagi lah orang pakai batik sarung. Emak – emak kita dahulu kei [kan], pakai batik sarung. Diorang sanggup lagi lah keluar (sambil menunjukkan isyarat tangan) apa, pergi kedai ke apa pakai kain sarung. Tetapi kalau sekarei [sekarang] ini, pakai kat [dekat] rumah je [sahaja] lah, tetapi batik sarung ini kalau nak kira [ikutkan], dia memei [memang] laku dijual lagi

sekarang ini. Tetapi untuk pakai di rumah je [sahaja], tetapi biasanya daripada Indonesia lah ini, yang selalu enak kita pakai kan dekat rumah ini. Batik ini tidak buat dengan blok, dia buat pakai *machine* [mesin] atau dia panggil [dipanggil] skrin [batik skrin]. Kebanyakan blok datang daripada (sambil menunjukkan isyarat tangan) Thailand, daripada Indonesia, batik sarung.

NAS : Berapa=. Bagaimana cara untuk bezakan setiap jenis batik di Malaysia ini?

MGM: Dia kalau nak beza tu macei [macam] kami pembuat batik ---, yang mahir pasal [tentang] batik lah, kita boleh cam [tahu] batik buatei [buatan] kita ke. Pasal [Kerana] banyak juga batik apa ni, batik tiruan lah – batik pada [daripada] tiruan ini maksudnya tidak original [asli] buat dengan blok kita ini lah. Dia pakai *machine* [mesin] ke apa, banyak lah. Kita jadi saingan pasal [kerana] itu lah, pasal blok dengan *machine* [mesin]. Pah gak [Selepas itu], harga dia murah kei [kan], warna dia pun menarik. Kita kena [perlu] *fight* [lawan] dia lah. Kalau kita nak [hendak] maju ke dalam bidang batik ini, kita kena [perlu] lawei [lawan] dia macam mana nak *fight* [lawan] harga. Kalau [Kalau] dia murah pun, kita kena [perlu] adjust [memperbetulkan] (sambil menunjukkan isyarat tangan) benda itu jadi murah juga. *Fight* [lawan] dia, gitu [begitu] lah.

NAS : Apakah imej batik Malaysia?

MGM: Ini susah sikit [sedikit] untuk jawab imej ini, (sambil ketawa kecil) tak berapa pehei [faham] sikit. Imej dia rano [macam mana] eh? (sambil ketawa kecil). Imej ini gapo tau [apa] (sambil ketawa kecil).

NAS : Takpa [Tidak mengapa], kita teruskan dengan soalan lain. Apakah ilmu yang harus dimiliki untuk buat blok batik? Ilmu.

MGM: Ilmu, kena [perlu] kesabaran lah. Kesabaran tinggi kei [kan], selepas itu, kita kena [perlu] ada bakat juga, paling penting bakat melukis lah, kita katakan [umpama]. Biasanya kalau orei [orang] melukis ini, di-a – dia banyak kemahirei [kemahiran], apa sahaja dia boleh buat. Kebanyakan orei [orang] seni lah kei [kan]. Orei [orang] seni [berseni], jadi kemahirei [kemahiran] dia gitu [seperti itu], kena [perlu] sabar, rajin. Kei? [kan]

NAS : Adakah setiap pengusaha batik ini, dia perlu mohon kelulusan kerajaan negeri?

MGM: Tak, (sambil menggelengkan kepala), tak perlu apa ini, kelulusan kerajaan. Kalau [Kalau] dia nak buat batik, dia buka kilang je [sahaja]. Selepas itu, kalau nak [hendak] besarkei [membesarkan] batik dia, pandai – pandai [mengikut kepandaian] dia lah (sambil membuat blok batik), nak [hendak] berniaga [gangguan bunyi burung] ke apa ke. [batuk kecil]

NAS : Apakah perbezaan batik Malaysia dan batik negara lain?

MGM: Batik di negara lain kita kena [perlu] buat =, batik, di Indonesia dan di Malaysia je [sahaja], setahu saya lah batik. Kalau batik --- [gangguan bunyi], diorei [diorang]=. [gangguan bunyi motor] .Orei [orang] bawa batik kita kei [kan], dia akan buat negara --, China kei [kan], China ini dia banyok [banyak] teknologi mesin ke apa. Diorang boleh buat sebiji (sama) dengan batik kita. Itu jadi masalah kita dengan dia. Pasal [Sebab] ini murah, batik Indonesia pun ada juga. Barei – barei [Barang – barang], alat – alat perlu buat dengan cepat lah. Pengeluaran dia dengan cepat. Bila [Apabila] dia boleh keluar batik dengan cepat, banyak, boleh dijual dengan harga murah [murah] lah. Kita ini lambat sikit [sedikit] pengeluaran, pasal [kerana] kita buat pakai tangei [tangan] apa semua. Jadi kita terpaksa kena [perlu] jual mahal. [batuk kecil]. Itu perbezaan dia.

NAS : Batik Malaysia ini lebih unik ke dari batik negara lain? Batik lain.

MGM: Kalau nak [hendak] buat perbandingan, memei [memang] unik lah. Kita tak sama batik dia --. *Design* [Corak] kita pun tak sama dengan batik dia Kita banyak dah =, dulu kita banyak dah ikut [sama] dia dok [kan]. Tetapi, kita nak [hendak] identiti kita sendiri lah. Kita akan reka *design – design* [corak – corak] tidak sama dengan *design* [corak] batik Indonesia. Kita dengan Indonesia je [sahaja] buat batik ini. Batik blok =, sama ada batik blok ke, batik lukis ke. Batik lukis memei [memang] jauh beza, tetapi dari segi pekerjaan, memei [memang] kita kalah [kalah] lah. Pasal [Sebab] dia kadei = kadei [kadang –kadang], batik lukis dia ini sebulei [sebulan] baru siap sa – tu satu keping kei [kan]. Kita pun tak tahu macam mana dia boleh buat sebulei [sebulan]. Dia boleh sebulan ini, dia boleh jual dengan harga tinggi. Kita =, kalua kita buat sebulei [sebulan], kita mungkin kena [perlu] jual dalei [dalam] 5000 ringgit (lima ribu ringgit) ke. 5000 ringgit (lima ribu ringgit) siapa nak [hendak] beli, tetapi tempat dia ada pembeli.

Walaupun dia buat sebulan, dia di negara dia ini, mungkin ramai lah kaya – kaya (orang berduit), yang berminat dengan batik.

NAS : Adakah batik ini dihasilkan sendiri atau mengikut citarasa pengguna?

MGM : Biasanya, citarasa pereka lah, pembuat batik itu sendiri. Bila dia buat – buat [siapkan semua], dia tunjuk kepada pembeli. Kalau pembeli itu berkenei [berkenan], dia akan tak kira lah mahal ke murah [murah], bila dia berkenei [berkenan], dia kan beli lah. Selepas itu, kita kena [perlu] buat banyak pembaharuan. Kena [Perlu] sentiasa berfikir buat pembaharuan, kita nak suruh tak sama [tidak mahu corak sama] ---. Kita banyak saingei [persaingan] lah dok [kan]. Kira banyak benda yang sama, batik pun jadi murah [murah]. (batuk kecil).

NAS : Bagaimana untuk mengenalpasti corak yang harus dibuat? Nak [hendak] kenalpasti corak.

MGM: Harus dibuat eh? Dia kadei – kadei batik ini kita tengok = macei [macam] kita =, benda sesuatu yang laku. Katakan [Andaikan] corak ini, (sambil menunjukkan isyarat tangan) laku dijual pada masa ini. Kita akan ikut sesuatu benda yang laku ini lah supaya kita mendapatkan hasil kei [kan]. Kita macei [macam] terikut – ikut atau meniru apa yang laku. Misal kata [Misalannya] contoh, kita buat bunga raya lah, jadi batik bunga raya ini laku tak pada masa itu? Ha, semua akan ikut (sambil menunjukkan isyarat tangan), buat design [corak] bunga raya. Kata lah rama – rama lah laku contoh nya, musim ini batik rama – rama ini laku dijual (sambil menunjukkan isyarat tangan). Semua kebanyakkan pakat [bersatu] ikut benda ini. Suatu masa, dia akei [akan] tak bergerak, tak laku doh [sudah]. Ada pihak [pihak] lain pulok [pula] akan mereka benda ini supaya menjadi – ada pembeli yang berminat lah dengan *design* [corak] baru ini. Semua orang terikut pulok [pula], lagu tu lah [begitulah].

NAS : Batik Malaysia ini mudah ke untuk dihasilkan?

MGM: Kalu [Kalau] dia tahu cara tu mudah lah dihasilkei [dihasilkan]. Biasanya, sekarang ini ada tempat bahagian buat batik macei [macam] kerajaei [kerajaan] pun ada tempat belajar buat batik macei [macam] di UITM (Universiti Teknologi Mara) kei [kan]. UITM (Universiti Teknologi Mara) ini, -- macam -

macam kerja kraftangan, dia ada tempat mengajar. Logam ke apa, kayu ke apa, batik, tetapi yang paling ramai sekali dalam pelajar UITM (Universiti Teknologi Mara) dok [kan], setahu pokcik [pakcik], dalei [dalam] bidang batik lah ramai ceburi. Pasal [Kerana] batik ini, kalu [kalau] dari segi kraf – pembuatan kraf lah dok [kan], batik (sambil menunjukkan isyarat tangan) paling banyok [banyak] kutipei [kutipan] hasil dalei [dalam] negeri kita, dalei [dalam] negara kita. Dalam bidei [bidang] semua kraf (sambil menunjukkan isyarat tangan), batik nombor satu lah penghasilan, pendapatei [pendapatan] lumayei [lumayan] lah kira. Kalu [kalau] benda lain macei [macam] perok [perak] gapo [apa semua], diorang kaloh [kalah] lah dengan batik ini. Memei [Memang] banyok [banyak] jualei [jualan] batik.

NAS : Adakah batik dihasilkan melalui proses sama walaupun corok [corak] dia bezo? [berbeza]

MGM: Corak berbeza. Kebanyakkan ado [ada], dia = kalua ada yang kreatif kei [kan] dok [kan], kita tidak boleh nak [hendak] ikut cara dia, Dia memei [memang] tak bagitahu [memberitahu] cara dia. Dia memei [memang] = teknik dia = macei [macam] contoh terbaru lah dok [kan], dia pakai skrin [peralatan batik]. Skrin [peralatan batik] ini skrin lilin lah. Kita memei [memang] tak tahu caro [cara] dia buat. Skrin lilin ini, dia letok [letak] lilin (sambil menunjukkan isyarat tangan), lilin itu dia sejuk bukei [bukan] lilin panas. Bila lilin sejuk, dia boleh buat dengan lilin sejuk – lilin itu sejuk kei [kan]. Jadi, maknanya kita pakai lilin panas kita – cop, masukkan lilin dalam kualiti (sambil menunjukkan isyarat tangan). Dulu [Ketika itu] lah, kita buat macam itu, sekarang ini dia tubik [keluarkan] teknologi baru, teknologi ini pun datangnya dari Indonesia juga. Jadi, dia lagi cepat siap, dia = kita panggil [namakan] (sambil menunjukkan isyarat tangan) sekali tarik je [sahaja], boleh siap satu helai batik. Satu helai kain batik dalam dua meter, empat meter pun dia boleh buat. Kalau kita lukis, makan [ambil] masa tu, lapan jei [jam] ke, sepuluh jam boleh siap sekeping. Dia siap sekeping satu minit, Cuma dia buat blok mula – mula sekali lambat. Blok itu saiz batik, (sambil menunjukkan anggaran saiz) saiz kain. Dia masukkan lilin sejuk, tarik dan siap. Cuma kita pergi warna, canggih lah kira. Sekarang ini ada empat, lima orei [orang] dah pengusaha macam itu, tetapi macei [macam]

pokcik [pakcik] ini memi [memang] tak tahu lah proses lilin itu macam mana.
Setahu pokcik [pakcik], benda ini berasal daripada Indonesia juga.

NAS : Okay, Fatin untuk menanyakan soalan.

NFI : Pakcik cakap tadi, batik merupakan menyumbang kepada industri – industri di Malaysia. Jadi pakcik rasa kenapa batik merupakan tarikan utama pengunjung yang datang ke Malaysia? Kenapa orang suka sangat dengan batik?

MGM: Batik ini memei [memang] sesuatu yang seni lah kira. Batik ini kira pakayei [pakaian] lah. Orei [orang] = kalu [kalau] biasanya= kalau lah - kata lah [agak – agak] baju ada dua puluh helai kei [kan], mestilah keno [perlu] ada batik dalam satu, dua, tiga helai, begitu lah. Penyeri lah kira kei [kan], takkan lah kita nak pakai--.

NFI : Pakcik, untuk satu blok batik itu , pakcik. (talian terputus)

MGM: Tak dengar ni. (sambil ketawa kecil). Tak dengar, (sambil menunjukkan isyarat tangan).

NFI : [gangguan bunyi motor] Ambil masa berapa lama untuk siapkan?

MGM: Ha [Ya], dia gini [macam ini], blok batik ini dia tengok kepada *design* [corak]. Tetapi paling lama pokcik [pakcik] pernah buat lima hari lah. Lima hari itu biasa pokcik [pakcik] buat dok [kan], contoh lah blok macam ini, (sambil menunjukkan penghasilan blok) pakcik buat tigo [tiga] hari, ini tigo [tiga] hari blok macam ini. Ada kecik [kecil] gini [seperti ini] dua hari (sambil menunjukkan anggaran saiz blok yang dihasilkan), tak tentu lah, tengok kepada *design* [corak], tak tentu. Paling lama lima hari.

NFI : Blok batik ini ada banyak saiz atau pun ada satu saiz sahaja?

MGM: Banyak saiz, tetapi paling besar blok sepuluh inci lah – [paling besar sepuluh inci], paling kecil pun boleh buat juga. Tetapi paling kecil gak [pun], berapa inci, dua inci pun kita buat juga – [dua inci kita buat], tengok atas pada permintaan pelanggan [pelanggan] lah, Pelanggan [pelanggan] nak saiz yang macam mana.

NAS : Apakah jenis *material* [bahan] kain yang pokcik [pakcik] gunakan?

MGM: Pakcik tak guna kain, pakcik pun atas pengusaha batik lah. Dia nak pakai kain apa ke, itu hak dia lah. Jadi biasa dia guna lah batik ini kain *cotton* [kapas] lah. Dahulu biasanya bokep [tersilap sebut nama], apa ni, *jacquard* (jenis kain jakob). *Jacquard* (jenis kain jakob) ini dahulu memei [memang] lah boleh lah kita =. Nak buat berapa puluh tahun dahulu, memei [memang] kita buat *jacquard* lah. Sebab pengusaha batik buat *jacquard*, memandangkan harga makin tinggi, makin naik kei [kan], jadi dia pun berpindah kepada *cotton* lah. *Cotton* (jenis kain kapas yang tebal) ini muroh [murah] sikit [sedikit], jadi diorang bila dia beli kain mahal, dia nak [hendak] jual mahal, pembeli tak nak [tidak mahu]. Jadi, dia kena [perlu] beralih kepada *cotton*. *Cotton* (jenis kain tebal) ini kain yang murah sedikit lah, tetapi dia pun pakai. Okay juga, menarik juga bila siap, sama juga macam *jacquard* (jenis kain jakob) juga.

NAS : Apakah jenis corak yang terdapat pada batik?

MGM: Biasanya flora lah. Flora yang biasa-.

NAS : Fauna.

MGM: Ha [Ya], fauna. Kalu [kalau] untuk wanita lah, pakaian wanita tu, kita guna bunga lah. *Design* [corak] bunga apa semua. Tetapi kalu [kalau] *design* [corak] untuk pakaian lelaki, kita guna abstrak lah, dia tak boleh bunga.

NAS : Oh, abstrak. (sambil menganggukkan kepala)

MGM: Tetapi kita nak kena [perlu] jago [peliharaan] jugok [juga], kalu [kalau] buat *design* [corak] kei [kan], jangei [jangan] lah ada salib ko [ke] atau pun binatey – binatey [binatang – binatang ko [ke] dok? [kan]? Binatey [Binatang] ke apa, diorei [diorang] memei [memang] tak beli lah kalu [kalau] memei [memang] *design* [corak] macam tu. Kalu [kalau] letak salib pun diorang tak minat dah, takkan beli. Kalu [kalau] cuba – cuba buat jugak, tunggu lah, takkan laku (sambil ketawa kecil). Jadi, kena [perlu] hati – hati nak [hendak] buat batik (sambil menunjukkan reaksi senyum).

NAS : Beza cara penghasilan batik yang dulu dan sekarang? (suara bertindan)

NFI : Cik [Pakcik], apa beza batik Terengganu dengan batik Kelantan?

MGM: Saya cerita sikit [sedikit] eh? (sambil menunjukkan reaksi senyum). Batik Klatey [Kelantan] = eh, batik Terengganu ni dok [kan], dio [dia] orei [orang] batik Terengganu ni (sambil menunjukkan isyarat tangan) asal – asal [pada awal – awal] mulo [pada awalnya] sekali, dia pengusaha apa ni pe – penjual batik lah, tetapi dia selalu pergi berulei [berulang] alik ke Indonesia kei [kan]. Berulang alik ke Indonesia, jadi dia bowok [bawa] teknologi Indonesia, macei [macam] dia beli blok Indonesia kei [kan], tetapi blok Indonesia ni, dia nak [hendak] cop macei [macam] orei Klatey [Kelantan] cop ni, tak boleh. Pasal [Kerana] blok Indonesia ini dia halus sangat, bila [apabila] halus sangat, dia kena [perlu] cop caro [cara] Indonesia. Dia ada pelapik (sambil menunjukkan isyarat tangan) dia, dalei [dalam] kuoli [kuali] yang panas tu dia ada pelapik dia. Bila [Apabila] dia cop pada kain, dia sebijik [sama] macei [macam] Indonesia, kehalusei [kehalusan] dia. Jadi, batik dia seakei – akei [seakan – akan] Indonesia lah. (gangguan bunyi)

NAS : Bagaimanakah pakcik sebagai artis batik ini mendapat inspirasi bagi hasilkei [hasilkan] sehelai batik?

MGM: Dia =. Pakcik sebenar tak dapat menghasilkan batik, pakcik dapat menghasilkan blok batik je [sahaja]. Selepas pakcik menghasilkan blok batik tu, pakcik akei [akan] seroh [menyerahkan] kepada pembuat batik, diorei [diorang] menempah blok ni dengan pakcik untuk meng = apa ni, membuat batik dia tu, jadi dia telah fikir lah macam mana dia nak olah batik dia supaya benda itu menarik kei [kan]. Jadi, blok *design* [corak] dia akan rekacipta. Cuma pakcik, tugas pakcik buat blok je [sahaja], lepah [selepas] seroh [menyerahkan] blok ko [kepada] dia tu, pandai – pandai dia lah nak [hendak] buat macam mana, nak [hendak] comei [mencantikkan] batik macam mana, pelbagaikan batik dia macam mana. Tugas pokcik [pakcik] buat blok je [sahaja], diorei [diorang] beli blok je [sahaja] dengan pakcik. Kalau pasal [tentang] batik ni pokcik [pakcik] tak berapa arif sangat lah, tak berapa reti [pandai] sangat pasal batik ni. Pokcik [pakcik] tahu [pandai] buat blok je [sahaja] (sambil ketawa kecil). Ada *design* [corak], pokcik [pakcik] buat, apa ni, blok ni bagi pokcik [pakcik], sampai terbaik lah, bagi pokcik [pakcik]. Begitu. [Macam itu]

NAS : Adakah corak blok tu dihasilkan berdasarkan nilai emosi, perasaan atau nilai kenegerian?

MGM: Biasa je [sahaja], *design* [corak] pun diorei [diorang] bagi kei [kan]. Kito [kita] buat je, [sahaja] tak kisah [kisah] lah *design* macam mana, cuma kadei – kadei [kadang – kadang], kalau kita tak boleh nak [hendak] lentur ke apa, susah blok ni susah nak [hendak] dibuat, kita akei [akan] bagitahu [memberitahu] susah ni blok ni nak dibuat. Kita kena [perlu] ubah pulok [pula]. “Tak menarik ni blok macam ni” (menceritakan perbualan seseorang). Kito [Kita] bicei [bincang] dengan dia lah. Kalu [Kalau] kita nak [hendak] buang *design* [corak] dia, “tak payah [perlu] masuk lah blok ni” (menceritakan perbualan seseorang). Kita masukkan *design* [corak] yang lain ke, kita berbincang dengan dia macam mana, menarikkan lagi *design* [corak] yang kita buat.

NAS : Adakah idea penghasilan batik dihasilkan oleh seorang individu atau lebih?

MGM: Biasanyo [Biasanya] sore [seorang] je [sahaja] biasanya, tetapi kalu [kalau] ada orei [orang] yang nak [hendak] tokok – tamboh [tokok – tambah] ke apa, dia akei [akan] bagi pendapat. Contohnya, tukei [bos] cop dia ke, dia akei [akan] tanya pendapat jugok [juga] pekerja dia. “Macei [Macam] ni okay tak?” (dialog perbualan) – “Macei [Macam] ni okay tak?” (dialog perbualan). Macei [Macam] pakcik ni, pakcik fikir sendiri lah macam mana nak [hendak] selesai masalah buat blok ni. Gitu [Begitu] je [sahaja] lah.

NAS : Berapa lama waktu bengkel blok batik ini dibuka?

MGM: Maksudnya (sambil membuat blok batik) daripada *start* [bermula] sari [sehari] ke macam ni maksud, ko? [atau].

NAS : Waktu untuk-.

MGM: Pekerja?

NAS : Ha [Ya].

MGM: Pekerja, bekerja tak tentu masa lah pasal [sebab] kita kerja sendiri kei [kan]. Biaso [Biasanya] pukul 8 paling awal, pahtu [selepas itu], pukul 9. Lepah tu [Selepas itu], male [malam] pun kita boleh buat kijo [kerja] jugok [juga]. Pasal [Sebab] kita kijo [kerja] male [malam] kei [kan], tengok pado [kepada] *mood* [perasaan]

kita lah. *Mood* [perasaan] kita, kata lah *mood* [perasaan] kita tak berasa penat ko [ke] male [malam] hari kei [kan], kito [kita] akei [akan] tambah masa kita untuk bekerja. Contohnya, kita banyak kerja kat [dekat] luar kei [kan] – kerja kat luar, pergi situ pergi sini, ada hal lain ke apa. Kita boleh tambah untuk kijo [kerja] male [malam]. Jadi, kita akan genapkan masa kita bekerja (sambil menunjukkan isyarat tangan) 8 jei [jam] ke, pandai – pandai kito [kita]. Kita olah sendiri masa kita.

NAS : Berapa batik yang dapat dihasilkei [dihasilkan] sehari waktu bekerja?

MGM: Berapa blok ke macam mana?

NAS : Ha [Ya], berapa blok?

MGM: Blok ni biasanya, kita buat tiga blok kei [kan], eh tiga hari kei [kan] satu blok. Pahtu [Selepas itu] blok (sambil menunjukkan hasil buatan blok batik) pokcik [pakcik] bagitahu [beritahu] yang ni kei [kan] (sambilan menunjukkan blok buatannya), jadi tigo [tiga] hari pokcik [pakcik] kena [perlu] selesai blok ni sampai siap. Gitu [Begitu], kalau ada yang jenis kecik [kecil] tu, (sambil menunjukkan anggaran saiz) kita buat dua hari, sari [sehari], gitu [begitu] lah.

NAS : Apakah jenis corak hok [yang] sering dihasilkan oleh pokcik [pakcik]?

MGM: (berfikir sejenak) Abstrak, abstrak.

NAS : Oh, abstrak.

MGM: Jadi macei [macam] sekarei [sekarang] ni, banyak abstrak *design* [corak] ni.

NAS : Paling banyok [banyak] dihasilkei [dihasilkan] lah tu?

MGM: Banyak *design* [corak] abstrak. Flora ni kurei [kurang] sikit [sedikit], tak banyak mano [sangat], tak banyak lah. Kebanyakkei [Kebanyakkan] abstrak kita buat *design* [corak], tak tahu makna apa, cuma kita tengok menarik je [sahaja] *design* [corak] tu, kita akei [akan] *start* [bermula] buat blok.

NAS : Corak manakah yang paling dapat permintaan tinggi oleh pelanggan?

MGM: Serupo [Macam] pokcik [pakcik] kato [cakap] tu, dio [dia] biasanya blok abstrak lah, flora ni sikit [sedikit] sangat.

NAS : Oh.

MGM: Sikit [sedikit] sangat. Banyak abstrak lah sekarang ni. Diorei [Diorang] buat baju kemeja tak sesuai kalau nak [hendak] buat flora. Jadi, baju kemeja ni sekare [sekarang] ni, permintaan rami jugok [juga] lah. Jadi, kalau [kalau] perempuan ni, biasanya dia gemar atau suka batik lukis (gangguan bunyi) atau batik canting lah. Kebanyakan orei [orang] perempuan ni dia suka macam tu. Jadi, pakcik [pakcik] banyak [banyak] kijo [kerja] tempahan sekarang blok - blok gini [macam ini], blok - blok abstrak sesuai untuk buat kemeja untuk lelaki lah.

NFI : Bagaimana kita nak menjaga ataupun menyelenggara blok batik yang telah dihasilkan?

MGM: Ya okey – Blok batik ni selepas kita siapkei dop [sudah siapkan] blok tu kita pun, apa ni kita pun serah kepada pembatik tu sendiri. Dia, bila dia menggunakan lilin tu kan, masa nak ngecop tu dia guna lilin kan. Dia celop blok dalam kualiti ke apa, lilin tu sudah meng-apa ni dah salut blok tu. Jadi dengan lilin ni lah boleh apa ni meng-apa ni membuatkan blok itu tidak jadi karat ka apa. Dia sudah salut dengan lilin tu. Jadi blok tu akan tahan lama kerana lilin tu lah. Ha gituh.. Jadi, kita tak payah nak menjaga banyak sangatlah cara dia. Pastu—

NFI : Dia automatik akan tahan lama lah.

MGM: Lepastu kei [selepas itu kan], blok tu bila dipakai dia akan sangkut tempat yang ada paku ka apa deh, kita gantungla dia gantungla benda blok tu. Jangei letak kat bawah apa semua kan, nanti terpijok ka takut memei kalau nak jaga betul betul blok tu meng-susun betul betul lah tu. Bila kita nak pakai baru kita pergi ambik gitu. Cara apa ni nak menjaga dia.

NFI : Okey, macam mana pakcik = sebagaimana kita tahu pakcik terkenal dalam menghasilkan blok batik, macam mana pakcik mengekalkan prestasi yang baik? Maksudnya orang akan sentiasa nak kan [mahukan] perkhidmatan pakcik dalam menghasilkan blok batik.

MGM: Kita sentiasa teliti buat blok batik ni. Contohnya dop, blok ni kalau kita pateri ala kadar kan, kita pateri ala kadar memei benda tu mudah tercabut kan blok tu. Tapi dulu kita sistem kita dop. Kalau kita teri pateri ala kadar kita akan guna kikir-kikir (sambil menunjukkan gaya tangan mengikir) atau kita nak ratakan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

blok ni, kita guna tangan kan. Bila guna tangan kita masukkan rozin apa. Rozin ni akan memperkuatkan untuk kita nak kikir ni. Jadi kita blok macam dulu tu, memei banyak [memang banyak] banyak nak jadi rosak lah pasal [kerana] kita pateri pun ala kadar kan. Tapi sekarang kita guna sander, sander ni mesin yang laju kan. Jadi kalau kita pateri ala kadar, blok ni akan tercabut. Pehei dop [faham tak] ?

NFI : Dia tak kuat.

MGM: Blok ni tercabut. Jadi bila tercabut kita kena pateri balik. Bermakna blok tu sentiasa kuatlah kita jaga atau cara kita proses tu memei keadaan loni memei kuat. Memei kukuhlah. Itu maksud pakcik.

NFI : Okey, tempahan yang paling banyak yang pakcik pernah dapat berapa banyak?

MGM: Empat-puluh blok ada. Empat puluh tu blok tu kecil-kecil la.

NFI : Pakcik ambil masa berapa lama nak siapkan?

MGM: Dua bulan. Dua lebih kurang dua bulan pasal [kerana] blok kecil-kecil. Baru saja *start* tak silap saya bulan lepas. Memei saya tak pernah terima lah empat-puluh blok ni. Ni sejarah bagi pakcik empat-puluh blok ni memei banyak.

NFI : Empat-puluh blok yang ditempah tu, corak yang asing-asing atau corak yang sama ja?

MGM: Haa dia gini, blok ni dia sembilan *design* tapi dia buat enam ke tujuh set gitulah. *Design* sama ja. Tempahan ni daripada Sabah lah daripada Sabah.

NFI : Okey, dalam buat empat-puluh tempahan [gangguan bunyi alatan bengkel] tu, apa cabaran yang pakcik hadapi? Ataupun takda macam biasa sahaja?

MGM: Cabaran tu diorei [diorang] nak cepatlah. Pakcik kena kerja siang malam lah. Pasal [kerana] nak mempercepatkan barang dia pasal banyak ni kan. Dia nak menggunakan benda tu cepat dia nak menghasilkan batik dengan cepat nak proses batik apa ada permintaai [permintaan] la mungkin ada permintaai [permintaan] la daripada dia.

NFI : Pernah tak?

MGM: Ha [ya] tapi kita –

NFI : Oh akan ikut *design customer* [corak customer]

MGM: Boleh ikut tapi ada yang tak boleh ikut jugok [jugak] tapi kita akan bagi tahu la akan cerita dekat dia kan *design* [corak] ni memei [memang] susah nak ikut takleh [tidak boleh] nak buat seratus peratus kita kena ubah sikit supaya kita boleh buat apa ni untuk buat blok la sesuai – untuk buat blok la. Kadang kadang diorei [mereka] yang melukis pun dia tak tahu kan cara boleh buat ka [atau] tak [tidak] boleh buat. Pakcik akan cerita ke [kepada] dia. Lepastu [selepas itu] kena buang *design* [corak] ni tak boleh buat kalau halus sangat memei [memang] tak boleh buat la kita perbesarkan *design* [corak] dia kita *zoom design* [memperbesar corak] dia supaya besar setakat ni kita boleh buat kita bagi tahu dia lah. Dia kata okey, okey kita start [mula] buat lah.

NFI : Pernah tak pakcik ambil tempahan satu [gangguan bunyi ayam berkokok] blok batik sahaja dan berapa harga untuk satu blok batik?

MGM: Ada satu ada. Biasa tiga ratus lima puluh biasa kalau yang tiga hari kita buat tu kan tiga ratus lima puluh. Tu [itu] harga terbaru lah. [gangguan bunyi ayam berkokok] Pasal [kerana] harga barang semua makin naik makin naik susah sekarang ni.

NFI : Kalau dulu kan, harga untuk satu blok batik tu berapa? Sekarang tiga ratus lima puluh kalau dulu?

MGM: Dulu lebih kurang dua ratus lima puluh gitulah dua ratus lapan puluh kalau blok yang macam ginilah [begini] (sambil menunjuk blok batik yang berada di hadapan beliau) macam ni maksud pakcik. Dia macam macam lah [pelbagai] saiz dia tu tengok kehalusan dia apa semua tu.

NFI: Okey macam saya boleh tengok tu macam macam [pelbagai] peralatan yang pakcik gunakan antaranya apa lagi peralatan yang digunakan?

MGM: Peralatan sander (sambil menunjukkan arah belakang) belakang ni kita pakai sander la untuk last sekali kita pakai sander la mesin blok mesin. Yang ni (sambil menunjukkan sander di belakangnya) kita untuk—kemikkan timah mesin untuk kemikkan timah. Timah tu kita akan potong kecil kecil [kecil-kecil] timah tu

biasa besar gini [begini] kan (sambil menunjukkan jari kelingkingnya) kita kemikkan [gangguan bunyi peralatan bengkel] dia lepastu kita potong kecil kecil [kecil-kecil] gini [begini] (sambil menunjukkan timah di tangan kiri beliau) untuk kita pateri gini [begini]. Boleh nampak dak [tidak] caranya? Untuk pateri dia kecil kecil [kecil-kecil] (sambil mempamerkan contoh proses pateri timah). Banyak lagi alat dia tapi kalau nak cerita satu satu ni rumit sikitlah susah sikit kena Fatin mari sini datang sini lah tengoklah (sambil ketawa besar).

NAS : Berapa langkah diambil untuk menyediakei [menyediakan] blok batik ni?

MGM: Langkah dio [dia] (sambil berfikir sejenak) pakcik bagitahu [beritahu] eh? Mula – mula langkah pertama, buat dulu [mula – mula] *design* [corak]. *Design* [corak] ni kalau [kalau] kito [kita] buat *design* [corak] ko [ke] dok [kan], dale [dalam] 2 jei [jam] jugok [juga].

NAS : Oh.

MGM: Ada jugok [juga] sejei [sejam] ado [ada] jugok [juga], tak tentu lah, tengok pada *design* [corak] kei. Buat – buat *design* [corak], kemudian baru lah kita (sambil berfikir sejenak) cari mejo [meja] kita, tempat buat kijo [kerja] ni. (sambil menunjukkan isyarat tangan). Pahtu [Selepas itu], kita potong pulak [pula] tembaga. Tembaga ni dia (sambil menunjukkan anggaran saiz tembaga) sekeping macei [macam] *zink* [sejenis logam] lah. Macei [macam] *zink* [sejenis logam], jadi kita potong kecil – kecil [kecil – kecil] supaya jadi saiz ini (sambil mengambil contoh alat pembuatan blok), saiz tembaga kita tu saiz (sambil berfikir sejenak), sekaki setengah dan empat kaki [saiz]. Kita potong kecil – kecil [kecil – kecil] gini [macam ini] (sambil menunjukkan alat blok batik), cukup untuk buat satu blok (sambil menunjukkan anggaran saiz). Mugkin dale [dalam] 30 keping ke saiz ni (sambil menunjukkan contoh saiz). Pahtu [Selepas itu] kita lentur, - lentur – lentur - lentur, kita susun gini [macam ini] (sambil menunjukkan alat blok batik), kalau *design* [corak] macam ini, kita susun gini [macam ini] je, supaya kita nak senei [senang] cari. Masa [Ketika] nak [hendak] pateri kei [kan], (sambil menunjukkan cara memaku), kita paku apa semua, kita nak [hendak] pateri tu = sebab tu kita susun gini [macam ini], untuk senei [senang] kita cari lah. Kalau kita gaul semua sekali, lambat lah kita kijo [kerja], makei [memakan masa] hari pulok [pula]. Jadi, bila [apabila] *start* pateri apa semua, kalau ada jenis blok yang kita

panggil sumbat, atau sumbat ni (sambil menunjukkan isyarat tangan) keliling penuh gitu [macam itu], kita akan cincang – cincang apa ni, besi (sambil menunjukkan cara membuat blok), kita pakai besi jugok, kita cincai – cincai. Kita masuk – masuk dalam blok kita nak sumbat tu dale pateri, *step* [langkah] dia, pateri apa semua. Siap semua blok, baru lah kita buat pemegei dio [dia] (sambil mengambil alat pembuat blok), ini kita panggil pemegei [pemegang] dio lah ni, contoh pemegei [pemegang] dio [dia]. Jadi, kita kei [kan] bengkok dia semua kei [kan], bengkok semua dia. Jadi kita buat pemegei [pemegang] dio [dia] ni, = lambat jugok [juga], dale [dalam] setengah [setengah] jei [jam] satu blok, kito [kita] buat pemegei [pemegang] dio [dia]. Lepas [Selepas] semua pemegei [pemegang] dio [dia] apa semua gini [seperti ini], baru lah kita pergi *sander* [alat untuk kertas pasir] – *sander* [alat untuk kertas pasir] pakai *machine* [mesin] kei, kertas pasir tu *sander* [alat untuk kertas pasir] (sambil menunjukkan cara melicinkan kertas pasir).

NFI : Bagi dia licin?

MGM:Ha [Ya], ratakan dia, kalu [kalau] benda tak rata, bila [apabila] kita cop terap kei [kan], dia tak lekat pada kain lah. Dia ada yang lekat, ada yang tak lekat.

NFI : Timbul kerataan.

MGM: Situ kena cek la betul – betul, menghalusi lah.

NAS : Bagaimana artis blok batik ni pilih warna yang sesuai untuk digabung – digabungkan dalam blok batik itu?

MGM: Dia biasanya pengusaha batik lah buat benda ni, dia pengusaha batik ni, dia kreatif. Dia ada pengalamei [pengalaman] lama. Dia bertahun – tahun dia buat kan, jadi dia tahu corak macam mana menarik. Kadei – kadei [Kadang – kadang], pembatik ni dia tak sama idea dia. Tak boleh nak [hendak] buat sama kei [kan], yang ni cara dia macam ni warna (sambil menunjukkan isyarat tangan). Orei [Orang] ni warna macam ni, biasa ada pengusaha batik tu, dia pakai pewarna yang lama – lama je [sahaja]. Macei lebih warna dok [kan], dia masuk dalei [dalam] satu balang kei [kan] (sambil menunjukkan contoh balang), dia simpan. Jadi, dia ambik pulok [pula], dia guno [guna] ni, dia tak – tak buat pembazirei [pembaziran] lah, bagi dia. Saya dapati dia memei [memang] bijak lah dale

[dalam] pengeluarai [pengeluaran], tetapi bila [apabila] siap batik, menarik. Batik dia tak napok [nampak] = nampak [nampak] *neutral* [asli]. (sambil tersenyum)

NFI : Maksudnya dia pandai untuk gunakan barang yang sedia ada tu lah untuk mengelakkan pembaziran?

MGM: Ha [Ya], ya – ya – ya. Dia – dia jimat lah, pandai = lagi pun, ubat – ubat dia kei [kan] deh [kan], apa ni kita panggil ubat lah dok [kan]. Bahan – bahan leukimia ni, kalau [kalau] dibuwei [dibuang] di tanah ke apa dok [kan], kita merosak, mencemarkan alam sekitar kei [kan]. Jadi, bagi dia kita perati [perhatikan], dia tidak membuang itu. Bahan dia tu tidak membuang merata – rata sewenei – wenei [sewenang – wenang] dia lah. Dia gunakan balik bahan ni.

NAS : Adakah warna tu bawa suatu maksud? Warna ni --.

MGM: Warna tu saya tak tahu maksud dia.

NFI : (sambil ketawa kecil)

MGM :Tetapi, mungkin pembatik dia tahu lah dok [kan], kalau tanya persoalan macam ni, pembatik je [sahaja] lah tahu nya. Pokcik [Pakcik] tahu pasal [tentang] blok je [sahaja] kei [kan], gitu [macam itu].

NAS :Adakah kesalahan waktu membuat blok batik tu boleh diperbetulkan? Macam mana itu?

MGM: Kalu [Kalau] blok batik memei [mamang] boleh diperbetulkei [diperbetulkan]. Kalu [Kalau] batik, kalu [kalau] rosak, oh memei [memang] susah [sukar] (sambil menggelengkan kepala), memei [memang] kena buwei [buang] lah batik. Tetapi, ado [ada] jugok [juga] cara dio [dia] kalau sikit – sikit [sedikit – sedikit] tu batik lah. Kalau rosok [rosak] sikit – sikit [sedikit – sedikit], dia boleh perbetulkei [perbetulkan], dia ada lah caro [caro] dio [dia]. Kalu [Kalau] buat blok, tak banyak lah kesilapei [kesilapan], kesalahei [kesalahan]. Kita pateri kei [kan], kata lah [andaikan] kita nak tukar bunga sekali pun, kita boleh cabut (sambil menunjukkan cara mencabut) balik [semula]. Tetapi tengok keadaei [keadaan] jugok [juga], kalau banyak sangat tak boleh jugok [juga]. Kesilapei [Kesilapan] dia biasanya masa [ketika] *sander* [alat kertas pasir] tu je [sahaja] (sambil menunjukkan isyarat tangan). Dia tercabut kei [kan], tercabut, koyak

apa semua, kita boleh paterikei [paterikan] balik [semula], lepahtu [selepas itu], kita *sander* [alat kertas pasir] balik [semula] sampai lah benda tu siap.

NAS : Siapa yang mengawal selia ketika proses buat blok batik dijalankan?

tapi memandangkan batik *down* [menurun] kan ekonomi *down* [menurun] pakcik tak boleh ambik [ambil] dia bekerja memei [memang] dia nak kerja tapi pakcik tak boleh nak ambik [ambil] dia bekerja pasal [kerana] masa tu takdok [tiada] kerja takdok [tiada] kerja takdak [tiada] tempahei [tempahan] pakcik pun tinggal dia gitu [begitu] lah jadi mana kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] sediakan benda tu tidak-tidak tepat lah tidak *line* [landasan] sebenar kalau ya dok [tidak] kalau – patutnya dia menyediakan pelajar kita tu masa batik laku macei [macam] sekarei [sekarang] ni masa ni meleknnya [seeloknya] kalu [kalau] kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] nak menyediakan pelajar pakcik boleh ambik [ambil] dia bekerja dengan pakcik jadi tak tepat lah mana kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] tu apa menyediakan pe-belajar benda ni tidak tepat masa takdok [tiada] kerja kan jadi kita tak boleh ambik [ambil] lah okey, pehei [faham] dok [tidak]?

NFI : Boleh.

MGM: Okey lah tu pehei [faham] (sambil tersenyum).

NFI : Okey pakcik saya nak tanya lagi dekat = tadi pakcik cakap ada pengusaha-pengusaha blok batik yang lain pakcik kata dianggap sebagai keluarga *so* [jadi] dalam-dalam bidang ni ada berapa orang pengusaha batik yang pakcik kenal?

MGM: Dia gini [begini] setahu pakcik la dok [kan]

NFI : Ha [ya]

MGM: Setahu pakcik ada empat sekarei [sekarang] ni empat orang ni pengusaha blok batik di Kelantan di Terengganu ada sorei [seorang] di Terengganu ada sorei [seorang].

NFI : Okey.

MGM: Jadi kami di Malaysia ni tinggal dalam pat [empat] ke lima orei [orang] gitu [begitu] jalah [sahajalah] jadi.

NFI : Oh

MGM: Ada sorei [seorang] lagi pelajar pakcik deh [kan] dia muda ja [sahaja] muda lagi dia ada dia ada bukak [buka] lah *business* [perniagaan] macam ni di kapung

[kampung] pakcik buat blok haritu [hari itu] di Kampung Sungai Budu tu dia memei [memang] ada buat blok. Sekarang ni dia ada tiga (sambil menunjukkan tiga jarinya) pembuat setahu pakcik dia ada tiga apa ni pem-pembantu dia tiga orei [orang] pembantu dia – dia muda lagi lah dalei [dalam] lingkungei [lingkungan] tiga puluh-an ha gitu jadi takpa [tidak mengapa] tak kisahlah sekurei-kureinya [sekurang-kurangnya] dia menyambung ka apa ni legasi buat blok ni daripada dia lah harap-harap dia maju lah.

NFI : Okey kawan-kawan pakcik dalam kalangan pengusaha batik tu dalam bantuan daripada kerajaan jugak [juga] atau tak?

MGM: Bantuei [bantuan] memei [memang] ada daripada kerajaei [kerajaan] memei [memang] ada lah kadei-kadei [kadang-kadang] dia bantuei [bantuan] tu macam ni lah macam contoh kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] kan dok [tidak] dia menyediakei [menyediakan] *design-design* [corak-corak] untuk buat blok kan dia buat blok dia bantuei [bantuan] gitu [begitu] lah dia akan hulur “Buatlah blok gini”. Dia akan= siap blok hantar dia akan bayar gitu [begitu] lah pertolongei [pertolongan] daripada dia kadei-kadei [kadang-kadang] ada jugak [juga] dia bagi mesin ka apa ka kan macam pakcik ni banyak jugak [juga] dia bagi mesin contohnya dok [kan] ni bengkel ni dia bagi kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] bagi.

NFI : Ha [ya].

MGM: Ha [ya] tu membuatkan pakcik jadi semangat apa nak buat blok batik ni dia bagi bengkel bagi mesin gapo [apa] semua jadi kita macam semangat lah nak buat apa ni blok ni ha [ya] gitu [begitu] dia-dia jaga kita lah supaya berterusei [berterusan] kerajaei [kerajaan] memei [memang] dia jaga benda-benda supaya tidak pupuh [pupus] kan benda-benda lama ka apa - -

NFI : Faham, pakcik contoh kan tempahan yang pakcik pernah dapat paling banyak empat puluh

MGM: Ha [ya]

NFI : Tu limit pakcik atau pakcik boleh terima lebih lagi daripada tu?

MGM: Bu-boleh [boleh] terima tapi kena bagi masa la kalau macei [macam] tu empat puluh - empat puluh blok tu kita bagi masa dua bulei [bulan] bolehlah kita kata kan – kalau dia nak bagi lama boleh tiga bulei [bulan] ka empat bulei [bulan] ka ha [ya] gitu.

NFI : Okey.

MGM: Tapi kita tak seronok gok [juga] pasal [kerana] banyak sangat kan pembayaran dia tu lambat kita nak makei [makan] apa kan kita –

NFI : Okey.

MGM: Kita buat blok ni bukannya apa ni pendapat kita tu banyak kan kita buat kerja macei [macam] lebih kurei [kurang] kaih pagi makan pagi gitu ja ha [ya] buat blok ni dia tak boleh nak ukur dengan pembuat batik pembuat batik kalau ada pekerja sepuluh orei [orang] kan dok [kan] dia boleh buat jualan setahun dok [kan] pembuat batik dok [kan] ha [ya] empat ratus ribu [ringgit Malaysia] makna keseluruhei [keseluruhan] jualei [jualan] keuntungei [keuntungan] tu kita ta-tak tahu mungkin seratus ribu [ringgit Malaysia] empat ratus ribu [ringgit Malaysia] tu kalau dia untung seratus ribu pun kita kata setahun banyak dah deh [kan]

NFI : Ya.

MGM: Tapi blok batik tak boleh lah setakat kita tak boleh lah tak dapat lah sebab tu berkurangei [berkurangan]

NFI : Kalau contoh la kan

MGM: Hah [apa]?

NFI : Okey, kalau contoh kan tempahan yang dibuat tu banyak dan memerlukan waktu yang cepat adakah pakcik akan menambah pekerja atau pun pakcik akan menolak tempahan tersebut?

MGM: Biasanya pakcik menolak la kalu [kalau] = pasal [kerana] kita nak cari dengan cepat-cepat pekerja ni susah jugak [juga] la pasal [kerana] dia tidak main dia nak *maintain* [kekalkan] kan kadei-kadei [kadang-kadang] blok ni banyak kadei kadei [kadang-kadang] takdak [tiada] tak banyak jadi kita tak berani nak ambik

[ambil] pekerja ramei [ramai] nanti kita ambik [ambil] pekerja-pekerja pulak
[pula] takdak [tiada] kerja kan

NFI : Ya.

MGM: Kadei kadei [kadang-kadang] takdak [tiada] kan tu susahnya buat blok ni
masalah dia macam tu la (memperbetulkan kedudukan) .

**NFI : Okey, pakcik orang yang tempah blok batik ni dia akan datang ambik [ambil]
sendiri atau pun dia mintak [meminta] pakcik hantarkan?**

MGM: Ha [ya] tak tentulah kadei-kadei [kadang-kadang] pakcik pergi hantar kalau dia
banyak kerja ka banyak hal dia akan dia suruh pakcik pergi hantar la pakcik
hantar

NFI : Oh kalau –

MGM: Kalau dia ada masa kalau pakcik pulak [pula] sibuk kata pakcik sibuk awak
kena mari ambik [ambil].

NFI : Kalau pakcik=

MGM: Dia akan datang ambik [ambil] ha [ya] gitu [begitu] lah bergilir-gilir lah kan
bergilir-gilir.

**NFI : Kalau pakcik pergi hantar pakcik akan gunakan kenderaan sendiri lah? Dan
kenakan cas ataupun tak?**

MGM: Dak [tidak] sama ja [sahaja] takdak [tiada] cas apa ni COD [*cash on delivery*
pembayaran semasa penghantaran] ka apa takdak [tiada] akan hantar gitu
[begitu] ja hantar bagi takdak [tiada] kira tambei [tambang] ka apa dok [kan]
sama ja [sahaja] kira.

NFI : Okey, walaupun tempat tu jauh pakcik?

MGM: Ha [ya] (mengangguk) jauh jangeilah [janganlah] Kuala Lumpur KL kena
ambik [ambil] lah kalau dekat-dekat sekitar

NFI : (Ketawa kecil)

MGM: Sekitar Kota Bharu tu tak ambik [ambil] lagi tak ambik [ambil] lagi la COD
[*cash on delivery* pembayaran semasa penghantaran] ka apa.

NFI : Kalau contoh Kuala Lumpur pakcik akan cas berapa?

MGM: Poh [pos] ja [sahaja] (ketawa besar) pakcik pos aja [sahaja] tengok berat barei [barang] la lima puluh [ringgit Malaysia] pun pernah kena pernah terbayar la lima puluh [ringgit Malaysia] pun ada la. Tapi diorei [mereka] bayar kos tambei [tambang] kan diorei [mereka] bayar kit akan tulis situ lah penghantarei [penghantaran] lima puluh ringgit seratus lebih pun kita boleh tulis ikut suka kita lah.

NFI : Okey. Pakcik contoh kan kalau blok batik yang pakcik dah buat tu tiba-tiba lah dalam perjalanan tu rosak mungkin kemek [kemik] ka?

MGM: Kemik? (ketawa besar)

NAS : Ha [ya]

NFI : Atau pakcik akan buat lain lah?

MGM: Ya-ya ada pernah berlaku me-masa kita pos barei [barang] kan apa ni pejabat pos ni dia main lempar ja [sahaja] kan barang mudah jugak [juga] kemik tu ja [sahaja] tapi diorei [mereka] hantar lah kat pakcik hantar balik pakcik suruh la dia kalau dia tak bole *repair* [baiki]

NFI : Oh.

MGM: Kalau sikit-sikit tu dia boleh *repair* [baiki] lah kalau banyak sangat dia akan hantar kepada pakcik balik la pakcik akan *repair* [baiki] ka apa kan – pastu [selepas itu] kita sedia kan kotak memang kali kedua ni kotak yang tebal lah kira tak kemik lah benda tu kita jadi hati hati sikitlah. Kena kali kedua kena hantar pulak [pula] ke dia dok [kan] teruk naya [teruk] lah naya [teruk] dia kita pun naya [teruk] dia pos kan dia pakai duit dia pos bila hantar duit kita pulak [pula] (ketawa besar) aduh ha [ya] okey.

NFI : Okey pakcik batik ni kan = jenis kain apa yang digunakan untuk buat batik dengan menggunakan blok batik? Adakah menggunakan *cotton* [kain kapas] atau menggunakan sekarang ni ada jenis-jenis kain yang telah digunakan?

MGM: Biasanya kain cotton [kapas] pastu [selepas itu] dia = banyak jenis kain tapi kira kita *test* [mencuba] gak [juga] la kain tu kain tu bila lekat warna kita akan boleh buat batik lah dia pun *depend* [bergantung].

NFI : Oh.

MGM: Jugak [jugak] batik kain-kain mahal pun dia kan buat pertimbangei [pertimbangan pulak [pula] la kalau kain mahal susah pulak [pula] nak jual dia dia pikir[fikir] pulak [pula] kain ni senei [senang] buat apa nak jual pun okey orang pakai pun okey dia *test* [mencuba] dulu pada diorei [mereka] jugak [juga] la nak buat tu dia *test* [mencuba] dulu dia pakai sendiri ka apa sesuai ni kita boleh buat batik pastu [selepas itu] bila dia jual-

NFI : Okey.

MGM: Nampak ada pembeli dia akan terus buat kain tu lah biasanya kain *cotton* [kapas] lah sekarei [sekarang] ni rancak sekali dia boleh buat kain *cotton* [kapas]. Puji-puji ada gak [juga] puji tu tak banyak sangat la sekarei [sekarang] dulu diorei [mereka] buat kain puji kan kain puji ni untuk kain kaftan kan kaftan.

NAS : Ha [ya].

NFI : Oh okey.

MGM: Sekarei [sekarang] ni *cotton* [kain kapas] ada buat kain apa ni kaftan boleh buat gak [juga] kain *cotton* [kain kapas] ya Im? (sambil bertanya kepada pekerja bengkel di sebelahnya) dia pakar sikit fasal batik kena tanya dia Fatin ada lagi?

NFI : Saya nak tanya lagi.

MGM: Ha [ya]

NFI : Selain yang digunakan tu kan selalunya kain *cotton* [kapas] selalu lah kit akan tahu kain batik sarung ni bila pertama sekali kita kena rendam dulu sebab warna dia akan keluar jadi sampai sekarang tetap warna tu akan keluar ataupun sekarang ni dah menggunakan teknik yang akan membuatkan kain tu tak luntur dah?

MGM: Kain dia kain sarung kan dulu dia style [gaya] dulu kain sarung dia tu bukei [bukan] buat macam apa ni pewarna yang sekarei [sekarang] ni kita guna untuk batik lukis dulu dia pakai kain apa ni-

NFI : Oh.

MGM: Kain dia celup (menunjukkan gaya celup) Dia celup kain-

NFI : Ya.

MGM: Kan dia celup kain tu akan lekat warna celup dia *style* [gaya] celup sekarei [sekarang] ni macam batik warna ni dok [kan] dia guna dia guna berus dia hampa kain pada penyidai kan ha [ya] lepastu [selepas itu] baru dia warna dulu-dulu batik sarung ni dia akan celup. Celup tu dia akan lekat warna dalam tu dia tak guna apa yang saya kata tadi pakcik kata tadi silicate [sodium silicate batik fixer] kan dia tak pakai yang tu dulu batik sarung ha [ya] tak sama cara proses dia

NFI : Oh.

MGM: Tapi sekarang ni = jadi orei [orang] tak buat la sarung corak tu corak dulu, orei [orang] buat corak lama *style* [gaya] batik lukis corak *style* [gaya] batik lukis sarung pun ada gak [juga] buat tapi dia untuk pakaie [pakaian] kain sarung ni untuk pakaie [pakaian] apa ni kalau kita nak buat pergi pasar ka apa ni supermarket [pasar raya] ka apa dok [kan] jalei-jalei [jalan-jalan] bolehlah batik ni. Batik ni dia buat conte [conteng] teknik sarung jugak [juga]

NFI : Ha [ya] betul.

MGM: Tapi memei [memang] menariklah sesuai lah nak pakai gi [pergi] wak [bawa] jalei-jalei [jalan-jalan] ka hari raya ka boleh pakai kat luar lah bukan saja di rumah lah.

NFI : Okey, Dibah boleh teruskan dengan soalan.

MGM: Ada? (sambil melihat kepada kertas di tangan penemu bual Adibah)

NAS : Harapan batik lah apakah perancangan pakcik pada masa depan tentang hadapan dalam usaha mengembangkan industri blok batik dengan lebih pesat?

MGM: Dia gitu [begitu] lah saya nak mintak [minta] yang boleh bantu kita kerajaei [kerajaan] lah kan pastu [selepas itu] kerajaei [kerajaan] akan mengulangi balik pulak [pula] apa yang dia buat lepas-lepas ya dok [kan] pasal [kerana] memandangkan batik blok sekarang ni dok [kan] makin maju - makin maju tapi sesuaiilah kalau dia nak cari pelajar ka dok [kan] masa ni lah nak cari pelajar pasal [kerana] bila pelajar tu pandai pakcik akan ambik [ambil] (mengangkat

tangan) bekerja dengan pakcik tapi jangei [jangan] jangei [jangan] singkat sangat dia belajar macam setahun ka kalau nak lebih lagi dua tahun ka ha [ya] tapi kalau setahun tu pakcik rasa dia boleh buat dah dia boleh buat mahir la kiranya jadi bila dia ramai pem-pembuat blok batik ni dok [kan] mungkin ramai lagi orei [orang] nak buat batik dengan blok ni sekarei [sekarang] ni dia pembatik dia tanya kita dok [kan] “Awak sempat ka dak [tidak] buat blok batik ni?” Kita kata tak sempat dia akan tak buat lah batik ni bila dia bila kita tak sempat buat blok dia akan berhenti kalau kita ramai pekerja dok [kan] dia akan tanya la kita “Sempat ka dak [tidak] awak buat blok ni?” [soalan pembatik] “Oh saya ada dah pekerja ramai.” Dia akan *order* [tempah] dengan kita lah akan tempah dengan kita ha [ya] begitu jadi bila ramai ni mungkin batik-batik-batik apa ni batik blok ni akan (mengangkat kedua tangan ke atas) maju la dok [kan] ha [ya] kan memei [memang] kita tak sempat nak buat kalau nak terima tempahei [tempahan] la.

NAS : Apakah nasihat pakcik kepada masyarakat di luar sana yang ingin berkecimpung dalam bidang blok batik ni?

MGM: Kalau nak gi [pergi] berkecimpung dalei [dalam] batik ni saya syor lah pakcik syor dok [kan] kena cari tempat belajar gak [jugak] lah cuma contoh saya di IKM [Institut Kemahiran MARA] ka dia sana tu kita boleh timba banyak macei-macei [macam-macam] ilmu lah fasal-fasal batik ni semua dia ada dekat situ belajar apa semua cuma kat situ tempat batik tu kita takdak [tiada] pem-pengajar blok batik ha [ya] dia ajar teknik mengecop [mengecap] apa ha [ya] kan teknik mengecop [mengecap] tu kita patut belajar lah cop [cap] batik ni kan bila kita mahir mengecop [mengecap] ni takpa [tidak mengapa] lah datei [datang] jupo [jumpa] dengan pakcik tempah blok apa semua dah kita mahir dengan meng-blok balik kan buat batik blok apa kita buat batik blok. Kalau kita mahir buat batik lukis kita buat batik lukis sekarei [sekarang] ni pun diorei [mereka] gabung dok [kan] blok batik blok dia cop-cop [cap-cap] blok lepastu [selepas itu] dia sambung dengan lukisei [lukisan] makna gabungei [gabungan].

NAS : Ha [ya].

MGM: Lagi cantik lagi molek [elok]. Kalau ikutnya kita kena kreatif lah nak buat batik ni kena kreatif (sambil memegang blok di hadapannya) dok [kan] holoh [alah]

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

(mengangkat tangan) macam mana – kelain-kelaineinya [kelainannya] diorei [merek] nampak menarik.

NAS : Ha [ya].

MGM: Tapi sekarei [sekarang] memei [memang] ada orei [orang] buat dia cop [cap] blok dalei [dalam] dua tiga blok cop [cap] pada kain dok [kan] lepas tu dia lukis sambung dengan lukisei [lukisan] mudiei [kemudian] jadilah.

NAS : Oh. Boleh pakcik senaraikan pencapaian yang pakcik pernah terima sepanjang (menggoyangkan tangan yang memegang pen sambil melihat pakcik) membuat blok ni?

MGM: Sepanjei [sepanjang] hok [yang] pakcik terima tu lah dia tak banyak lah macam contohnya sijil Adiguru [Kraftangan Malaysia Adiguru] kan pastu [selepas itu] pakcik menei [memang] pertandingan gapo [apa] tu logam bahagian logei [logam] dak [tidak] tempat pertama pastu [lepastu] pakcik ada (menggaru kepala cuba mengingati) gapo [apa] dia lagi ya tak [tidak] ingat dah ada tak ingat (ketawa kecil) banyak sijil pakcik tapi -

NFI : (Ketawa kecil)

NAS : (Tersenyum) terla-terlampau banyak. (mengangguk)

MGM: Pakcik masuk pakcik masuk ha [ya] masuk akhbar kan masuk surat khabar banyak gok [juga] ada pat [empat] lima jenis akhbar lah.

NAS : Ha [ya].

MGM: *Straits Times* [surat khabar *New Straits Times*] pun ada (ketawa kecil sambil mengangkat tangan gaya menulis) cerita kat [dekat] orei [orang] putih kita baca pun tak [tidak] pehei [faham]

NAS : Ha [ya].

MGM: Ha [ya] ada pat [empat] lima.

NAS : Antarabangsa la

MGM: Ha [ya] masuk surat khabar berasa sero [seru] jugak [juga] lah pakcik

NAS : (tersenyum dan ketawa besar)

MGM: Berasa (ketawa besar)

NAS : Okey Fatin boleh tanya soalan lain ye [ya] kalau nak tanya.

NFI : Pakcik, kan pakcik pernah dapat banyak anugerah pastu [selepas itu] pengik-pencapaian pakcik yang tadi pakcik nyatakan tu macam mana pak-pencapaian tu tadi tu telah mengi-mengubah hidup pakciklah sebagai seorang pengusaha blok batik?

MGM: Merubah eh [ya]? Tapi = susah jugak [juga] nak jawab ni (ketawa kecil) Pasal [kerana] gini [begini] nak buat blok ni kan dia-dia macei [macam] (mengangkat tangan) apa ni ombaklah kita kata deh [kan] ombak kan ada turun naik turun naik gitu [begitu] lah makna pekerjaei [pekerjaan] pakcik ni lagutu [begitu] macam tu kadei [kadang] dia na – banyak kerja kadei [kadang] takdak [tiada] kerja gitu [begitu] jadi buat masa lani [sekarang ini] –

NFI : Oh.

MGM: Ha [ya] buat masa lani [sekarang ini] pakcik rasa makin-makin maju (mengangkat tangan) lah makin kedepei [ke depan] la maksudnya buat blok ni makin maju saat ni lah ketika ni makin maju makin banyak tempahei [tempahan] tidak bukan macam haritu [hari itu] ha [ya] dianya.

NFI : Okey, apa = semasa = okey bagi pakcik apakah cabaran yang paling terbesar dalam = semasa pakcik berasa di dalam bidang ni dan macam mana pakcik mengatasi segala cabaran tersebut?

MGM: Paling besar ye dok [tidak] ? Paling besar bagi pakcik lah mencari bahei-bahei [bahan-bahan] dia lah contohnya se-sehari dua ni kan tembaga kan macei [macam] takdak [tiada] bahei [bahan] kita nak cari susah.

NAS : Tak cukup.

MGM: Tak cukup nak cari bahei [bahan] takdak [tiada] macei [macam] pupuh [pupus] benda ni ha [ya] tu jadi masalah bagi pakcik.

NFI : Ha [ya]

MGM: Pakcik nak fikir macei [macam] mana na-nak saei [perasaan] macei [macam] sari [sehari] dua ni boleh kecek [cakap] kelate [Kelantan] pehei [faham] dak [tidak]? Pehei [faham] kan?

NFI : (Ketawa kecil)

MGM: Sari [sehari] dua ni (menoleh ke sebelah kirinya) nak cari = ada lagilah tembaga di KL [Kuala Lumpur] ka apa tu kita boleh cari sekeping dua tu ada lagi takut habis di KL [Kuala Lumpur] ni tak tahu nak cari nak buat blok macam mana. Pakcik rasa kena-kena-kena balikkan (mengangkat tangan) kepada pembuat besi la pembuat blok dengan besi (mengangkat tangan) macam haritu [dulu-dulu] (mengangkat tangan) macei [macam] tu tahun tujuh puluh-an [1970] tu kan pakcik buat dengan besi kan zink kan cebis-cebisei [cebisan] tin ni tin kan lebihei [lebih] dia tu kita akan berbalik kepada hok [yang] tu lah kalau nak kita nak selesai masalah kan ha [ya] buat dengan tin gitu [begitu] tapi blok tu tak berapa tak berapa kukuh lah tak berapa kuat lah ha kita berbalik kepada benda tu lah – kalau dia nak buat lagi lah blok (ketawa kecil)

NAS : (Tersenyum)

NFI : (Ketawa kecil) Okey, pakcik rasa apakah sumbangan yang telah pakcik berikan kepada industri seni warisan terutamanya dalam bidang blok batik? Mungkin pakcik dah pernah mengajar menurunkan ilmu kepada beberapa orang. Ada tak [tidak] sumbangan lain yang pakcik pernah berikan industri warisan blok batik?

MGM: Warisan ni pakcik sebenarnya dok [kan] terima arapei [arahan] daripada kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] jugak [juga]

NFI : Oh.

MGM: Kalau dia ada pembaharuei [pembaharuan] dia akan rujuk kepada pakcik la.

NAS : Ha [ya].

MGM: Lagumana [macam mana] nak buat pembaharuei [pembaharuan] tu macam mana kita maramah [memperbanyak] sebenar pakcik nak meramaikan lagi pembuat blok batik ya dok [tidak]? Harapei [harapan] pakciknyalah bila ramai pembuat batik ni blok ni ha [ya] tak pupus lah kan seiring la orei [orang] kata

(mengangkat tangan) kalau [kalau] blok balik ni selagi batik tu ada dak [kan] batik wujud ni batik blok ni kena wujud jugak [juga] kena ada jugak [juga] jangan dia kalau kita takdak [tiada] batik pun akan pupus la kan.

NAS : Ha [ya].

NFI : Ha [ya].

MGM: Takdak [tiada] pembuat blok batik kan akan pupuh [pupus] ha [ya] contohnya kalau [kalau] kita bergabung dengan tukei [tukang] cop [cap] pehei [faham] dak [tidak] tukei [tukang] cop [cap] ni dia kerja dia mengecop [mengecap] batik ja [sahaja] dok [kan] kalau dia takdak [tiada] pengecop [pengecap] batik pembuat batik pun jadi pupuh [pupus] dok [kan] kita nak jual ke [kepada] sapa [siapa]? Pengecop [pengecap] takdak [tiada] orei [orang] yang kerja mengecop [mengecap] ni takdak [tiada]. Kalau pakcik takdak [tiada] buat blok ni dok [kan] orei [orang] mengecop [mengecap] pun kalau ada pun dia tak boleh buat jugak [juga]. Dia takleh [tidak boleh] kerja jugak [juga] buat batik. Tapi bagi pakcik ya dok [kan] kalau –

NFI : Ya.

MGM: Pakcik buat blok la kan pengusaha batik dia boleh belajar sendiri pengusaha batik maksudnya tokei [tauke] tu tokei [tauke] tu dia boleh buat sendiri cop [cap] sendiri kan. [gangguan bunyi motosikal]

NFI : Oh

MGM: Kalau dia takdak [tiada] pekerja mengecop [mengecap] ni dia boleh buat sendiri banyak dah loni [sekarang ni] apa ni peng-pengusaha batik ni dia cop [cap] sendiri maknya dia tokei [tauke] dia koli [kuli] buat kerja diri [sendiri].

NFI : Dia jimat (ketawa kecil).

MGM: Ha [ya] gitu [begitu].

NFI : Dia lagi untung besar lah

MGM: (Ketawa besar) ha [ya] lagi untung besar. Okey eh [ya]?

NFI : Okey, pakcik dalam masa yang terdekat ni pakcik ada merancang tak untuk mengembangkan lagi *business* [perniagaan] blok batik mungkin pakcik akan

**tambah cawangan ka ataupun bukak [buka] bengkel yang baru ka ha [ya]
pakcik ada tak perancangan macam tu?**

MGM: Buat masa sekarang ni pakcik tak terlintas lagi pasal [kerana] memandangei
[memandangkan] pakcik ni dah banyak dah umur kan banyak dah umur

NFI : Ha [ya].

MGM: Lepastu banyak pulak [pula] penyakit (ketawa besar) jadi rasa pakciknya tak
mampu setakat ni ja [sahaja] pakcik mampu buat. Ha [ya] tapi sekarei
[sekarang] ni saat pakcik dah nak latih anak pakcik.

NFI : Ha [ya].

MGM: Dia pun ada dalei [dalam] dua tahun dah buat blok ni sendiri ni pakcik dok latih
dia lah ni supaya dia boleh ambil alih bila pakcik takdak [tiada] satu hari kan
dia akan meneruskei [meneruskan] perjuangei [perjuangan] ini perjuangei
[perjuangan] buat blok batik ni anak pakcik ni ha [ya] anak pakcik sorei
[seorang] lagi dia nombor tiga tu sekarei [sekarang] ni saya pakcik dok tengah
ajar gak [jugak] dianya. Sekarei [sekarang] ni pakcik ada dua (sambil
menunjukkan jari 2) dua anak yang akei [akan] meneruski-meneruskan
perjuangei [perjuangan] tapi pakcik pun tak tahu setakat mana kan.

NAS : Ha [ya].

MGM: Takut pakcik takdak [tiada] pun dia pun berhenti jugak [juga] tak tahu lah
pakcik pun ha [ya] tapi insha-Allah [dengan izin Allah] lah mudah mudahei
[mudah-mudahan] dia minat po [serupa] pakcik jugak [juga] lah buat benda ni
kan ha

**NFI : Ya. [gangguan bunyi motosikal] okey bagi pakcik sendiri pakcik lebih gemar tak
memakai kain batik sarung atau kain pelekat untuk pakaian sebagai pakaian
harian?**

MGM: Pakcik kah?

NAS : Ha [ya]. (tersenyum)

NFI : Ya saya.

MGM: Pakcik tak boleh pakai kain sarung nanti orei [orang] kata (ketawa besar).

NFI : (Ketawa kecil).

MGM: Kain sarung kain sarung kain pucuk rebung tak boleh nanti dia kata “Macam mana pakai kain bini?” (ketawa besar) tapi pakcik (ketawa) pakcik ada (ketawa) pakcik ada la batik-batik sendiri [gangguan bunyi ayam berkokok] batik corak. Pakcik ada pakcik ada lah batik lukis batik cop [cap] tu ada la kalau pakcik nak bawa nak pergi majlis kahwin ka apa pakcik pakai la batik tu ha [ya] gitu [begitu] memei [memang] ada lah.

NFI : Okey, pak –

MGM: Ha [ya].

NFI : Pakcik sebagai seorang pembuat blok batik pakcik ada banyak berapa banyak koleksi batik yang telah pakcik kumpul?

MGM: Oh ya.

NFI : Bukan koleksi blok batik maksud saya-

MGM: Kain lah?

NFI : Ha [ya] produk-

MGM: Kain lah? Kain lah?

NFI : Ha [ya] kain-kain-kain.

MGM: Ada lah dua puluh gitu [begitu] ja [sahaja] lah ha [ya] pakcik nak beli banyak-banyak kain pun takdak [tiada] duit jugak [juga] setakat dua puluh tu okey lah. (ketawa besar)

NFI : Okey (ketawa kecil) Pak-pakcik ada tak beli batik *print* [cetak]? Pakcik suka batik *print* [cetak] ka atau batik tradisional?

MGM: Pakcik suka batik *print* [cetak] ha [ya] pasal [kerana] bagi pakcik batik *print* [cetak] ni kehalusei [kehalusan] (mengangkat kedua tangan) dia kan bila dia dia cop [cap] pun dia halus-halus makna kita –

NFI : Oh.

MGM: Kalau lukis dia kasar (mengangkat tangan kanan seperti melukis) wat [buat] design [corak] dia corak dia besar kasar kan saya tak minat kalau kasar-kasar

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

gitu [begitu] [bunyi peralatan di bengkel] besar design [corak] dia kelopak [kelopak] dia besar gitu [begitu] tak minat.

NAS : Ha [ya].

MGM: Pakcik minat design [corak] tu hat [yang] halus-halus ha [ya] gitu [begitu].

NFI : Oh.

MGM: Kalu [kalau] –

NFI : Okey, pakcik apa kenangan manis pakcik dalam bidang blok batik ni? Yang pakcik akan ingat yang akan ingat lah sampai bila-bila kenangan yang paling manis.

MGM: Paling manis kan?

NAS : Ha [ya].

MGM: Gini [begini] lah takpalah [tidak mengapalah] pakcik cerita dulu ada apa ni kerajaei [kerajaan] panggil pakcik ha [ya].

NFI : Ya.

MGM: Pergi dia apa ni (sambil cuba mengingatnya) aloh [alah] ha-ha [ya-ya] macei [macam] (ketawa kecil) tak ingat lah tak ingat lah jap [kejap] kejam deh [ya]

NFI : (Ketawa kecil)

MGM: Kerajaei [kerajaan] buat sambutei [sambutan] kan sambutei [sambutan] hari seniman kan.

NAS : Ha [ya].

NFI : Ya.

MGM: Hari seniman tu pakcik pun tak tahu macam mana dia boleh jemput pakcik pergi KL [Kuala Lumpur] dok [kan] masa tu di KL [Kuala Lumpur] di dewei [dewan] Saloma.

NAS : Ha [ya].

MGM: Dia hantar pakcik pergi situ kan jadi bila pakcik gi [pergi] sana ramai artis-artisnya.

NAS : (Tersenyum).

MGM: kan?

NFI : Ha [ya].

MGM: Banyak artis-artisnya tiga pat [empat] orei [orang] ada belako [belaka] Badul [AR Badul] la Saipul pakkik pun lupa ramai.

NAS : Saiful Apek?

MGM: Saiful Apel takdak [tiada] lagi masa tu nama apa tah [entah]. (tersenyum).

NAS : (Ketawa kecil).

MGM: Banyaklah artis-artis jumbo [jumpa] tapi pakkik segei [segan] sikit dengan diorei [mereka] nak masuk salei [salam] ka apa segei [segan] la pakkik buat tak tahu pakkik – pakkik anggap pakkik pun artis jugaklah [juga] masa tu.

NAS : (Tersenyum)

MGM: Dia suruh pakkik naik (mengangkat tangan) pentas dok [kan]

NFI : Aha [ya]

MGM: Berjoget sekali dengan artis-artis (menggoyangkan tangannya ke kiri dan kanan).

NAS : Oh.

NFI : Oh.

MGM: Ha [ya] masa tu kan dak [kan] masa tu.

NAS : Kenangan.

MGM : Masa tu menteri-menteri pelancongei [pelancongan] alah nama apa lah pakkik ni mudah lupa [suara pekerja bengkel blok batik] bukan Rais Yatim [Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim] nama apa la hok [yang] mari [datang] hari – ritu [hari itu]. Dia menteri tu, duduk kat bawah ja [sahaja] pakkik ni naik joget apa (gerakkan badan dan tangan) sekali dengan artis kan.

NAS : (Ketawa kecil).

NFI : (Ketawa kecil).

MGM: Lepas tu macei [macam] mana cerita laguni [macam ni] kan. Pasal [kerana] gini [begini] dalei [dalam] ramai-ramai apa ni pengusaha apa dok [kan] dalei [dalam] bidei [bidang] batik-batik ka apa kraf tangei [kraf tangan] ka orei [orang] daftar pada kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] dak [kan]?

NFI : Ya.

MGM: Pakcik dia panggil pelik gak [juga] kita pun pasalpa [kenapa]. Hok [yang] tu lah kenangei [kenangan] yang paling pakcik ingat deh [ya] tapi silap pakcik dok [kan] bawak [bawa] kamera telepon [telefon] ka apa dok [kan] kita tersilap tak ambik [ambil] gambar dengan diorei [mereka].

NAS : (Tersenyum)

MGM: Nak guna telepon [telefon] kan tak pandai (ketawa besar) pakcik tak pandai telepon [telefon] bawak [bawa] tak pandai nak suruh sapa ambik [ambil] gambar.

NAS : Ha [ya].

MGM: Itu kenangei [kenangan] paling manis lah kenangei [kenangan] paling pahit tak tahu lah tak ingat. Okey?

NFI : Okey,ya

MGM: Panjang lebar dah tu kan royak [cakap] (ketawa kecil sambil memegang blok batik)

NFI : Okey, (ketawa kecil) okey pakcik apakah harapan pakcik terhadap kerajaan Malaysia dalam membantu pengusaha-pengusaha blok batik ni untuk lebih berkembang atau pun lebih dikenali lah di peringkat nege-negara kita Malaysia.

MGM: Ha [ya] ya (mengangguk) macei [macam] halah [ya lah] macei [macam] biasa jugak [juga] lah dia kena buat sekarei [sekarang] ni pun dia dalei [dalam] kerajei [kerajaan] pun dalei [dalam] membantu kita dah sekarei [sekarang] ni kan memei [memang] dia banyak dah membantu dia bagi modal pun pernah bagi bagi modal sampai banyak-banyak ribu gak [juga] lah suruh kita mengusahakan blok batik ni sampai tak jadi pupus la sampai kita berjaya ka banyak dah bantuei [bantuan] nya kali kalau boleh tu kerajei [kerajaan] tu

menarik kan perhatian lagi lah kepada kita ni kan pembuat blok batik ni kalau ada yang baru-baru tu dak [kan] terlibat dengan blok batik contohnya anak-anak-anak saya kan.

NFI : Ha [ya].

MGM: Suruh daftar dengan kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] dan diorei [mereka] akan bantu la anak saya pulak [pula] bukan apa apa yang anak saya nak dak [kan] apa yang dia nak tolong bantu ha [ya] tapi kena tanya la apa yang dia nak tu ha [ya] bantu.

NFI : (Ketawa kecil)

MGM: Dak [kan] gapo [apa] dia nak apa yang tak cukup bagi dia pasal [kerana] anak saya ni [gangguan bunyi alatan bengkel] dia bukan kerja dengan pakcik dia jadi pengusaha diri {sendiri}

NAS : Oh.

NFI : Oh.

MGM: Dia pengusaha sendiri dia cari pasarei [pasaran] diri [sendiri] kan dia terima tempahei [tempahan] daripada kawan-kawan dia di KL [Kuala Lumpur] lah banyak lah [bunyi alatan bengkel] dia banyak *contact* [kenalan] daripada pakcik banyak dia *contact* [kenalan].

NFI : Oh okey.

MGM: Jadi kita = dia usaha sendiri jadi patutnya [bunyi alatan bengkel] kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] ni cari dia lah sekarei [sekarang] ni dia daftar dah cuma takdak [tiada] saya perati [perhati] kraf tangei [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] takdak [tiada] membantu lagi dia dalei [dalam] segi mana-mana ka atau bawak dia ka ketengahkan dia ka bawak [bawa] dia pergi buat demonstrasi kat mana di muzium ka buat demonstrasi kat muzium pun ada gak [juga] orei [orang] panggil buat demonstrasi di muzium pasal [kerana] pengunjung Di situ ramai kan diorei [merek] akan tengok "Oh buat blok susah patut batik mahal pun kan?"

NAS : Ha [ya].

MGM: Ha [ya] gitu [begitu]. Biar - apa ni pengunjung tu bila tengok blok batik ni berminat nak beli batik kan ha [ya] gitu [begitu] kehalusei [kehalusan] batik tu macam mana.

NFI : Okey, pakcik saya nak tanya lagi satu soalan-soalan yang terakhir.

MGM: Hah?

NAS : Soalan yang terakhir.

MGM: Akhir dah ni?

NFI : Pakcik saya nak tanya

MGM: Ha [ya]

NFI : Ha [ya] (ketawa kecil) Fatin nak tanya okey berdasarkan permandangan pak pemerhatian pakcik pada generasi sekarang, pakcik rasa batik blok ini akan kekal relevan dalam masyarakat dalam masa dua puluh tahun sekarang atau pun tak? Maksudnya dalam masa dua puluh tahun tu batik blok ni akan kekal ataupun dah takdak [tiada] dah dua puluh tahun akan datang.

MGM: Ya ya.

NFI : Pakcik rasa macam mana?

MGM: Pandangei [pandangan] pakcik la dok [kan] dia bergantung pada kerajaei [kerajaan] jugak [juga] kalau kerajaan pandai jaga benda ni kan [gangguan bunyi ayam] dia tak akan pupus contohnya sekarang dok [kan] menteri ada satu menteri tu kan menteri nama gapo [apa] tu -? Hok [yang] pakai batik selama hari ni [suara pekerja bengkel] ha [ya] dia menteri ni kalau dua tiga orei [orang] yang minat batik kan sentiasa pakai batik ni ka apa dak [kan] jadi rakyat tengok " Oh, batik ni okey lagi." Banyak orei [orang] tiru kan ada menteri lupa nama dia- dia sentiasa pakaian batik (sambil mengangkat tangan) jadi kadei-kadei [kadang-kadang] pembeli pe-pembuat batik ni dia kata buat *design* [corak] macam tu - macam menteri tu pakai ha [ya] ya menteri ni okey jugak [juga] dia saya perhati dok [kan]

NFI : Ha [ya].

MGM: Masa [suara pekerja bengkel] = Khairi Jamaluddin dia sentiasa pakai batik

NAS : HA[ya].

MGM: Ha [ya] Khairi Jamaluddin lepas tu menteri pelancongei [pelancongan] hat [yang] dulu lah dulu masa (mengangkat tangan) masa politik okey dulu kan menteri dulu dia pandai saya dengar cara dia cerita kepada wartawei [wartawan] dak [kan] kempen dia kepada wartawei [wartawan] batik ni okey batik ni dia = kita bercakap ni tak sama dengan dia bercakap kan.

NFI : (Ketawa kecil).

MGM: Ha [ya] ni wartawei [wartawan] (sambil menggerakkan tangannya menunjukkan ramai orang) penuh dua tiga puluh orei [orang] wartawei [wartawan] tulis ni tulis-tulis-tulis (menunjukkan aksi menulis di tapak tangan) diorei [mereka] akan masuk akhbar sebab tu batik tu batik blok laku masa tu dialah (mengangkat tangan) penceramah.

NFI : Oh.

MGM: Ha [ya] tu saya perati-perati [perhati-perhati] memei [memang] dia waktu tu saya ada buat demonstrasi sana tiba-tiba (mengangkat tangan) ni menteri ni [gangguan bunyi alatan bengkel] lupa dah nama dia tapi menteri pelancongei [pelancongan] la [gangguang bunyi ayam] dia bijak bercakap ke dia royak [cakap] ke wartawei [wartawan] wartawei [wartawan] pun tulis lah lepas tu barulah batik ni maju mungkin wartawei [wartawan] tu tulis dalam akhbar ka apa dak [kan] [gangguan bunyi ayam semakin kuat]. Nak ambik [ambil] gambar ambik [ambil] kayu (sambil menunjukkan kayu di belah hadapan) satu . (ketawa kecil).

NAS : (Tersenyum ketawa kecil).

MGM: Ganguaei [gangguan] ni Fatin macam mana? (ketawa kecil).

NFI : Ya saya dengar.

MGM: Habis masa dengan ayam sahaja

NFI : Saya dengar jugak (juga) bunyi ayam (ketawa kecil).

NAS : (Ketawa kecil) Ha [ya] dah pergi dah.

NFI : Jadi pakcik tamatnya soalan saya yang terakhir tadi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

Maka dengan ini tamatlah sesi temu bual sejarah lisan mengenai bidang seni warisan blok batik bersama Encik Md. Ghani bin Mat yang merupakan seorang penggiat batik blok yang aktif di peringkat negeri Kelantan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di-atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temu bual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni warisan batik blok para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG TEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

6.0 LOG TEMUBUAL

MINIT	TOPIK	HURAIAN
00:00:57 00:03:05	- Latar belakang.	<ul style="list-style-type: none"> • Abdul Ghani bin Mat • Wakaf Baru, Kelantan • 1956 • Dilahirkan di Pasir Mas • Anak ketiga • Mempunyai lima orang adik beradik • Nama isteri ialah Rohani binti Mamat • Berkahwin lebih kurang 45 tahun sudah • Mempunyai 5 orang cahaya mata iaitu tiga lelaki dan dua perempuan • Nama ibu ialah Che Aminah binti Haji Abdullah dan ayah ialah Mat bin Ismail
00:03:15 00:06:05	- Sejarah Blok Batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Tahun menceburi bidang blok batik adalah pada tahun 1970 • Mendapat ilham menceburi bidang ini dari minat yang tersendiri • Blok – blok dari Indonesia adalah yang paling popular dengan coraknya yang menarik • Corak – corak berdasarkan flora dan fauna • Mengolahkan corak – corak yang berbunga - bunga
00:06:26 00:06:52	- Kemahiran Menghasilkan Blok Batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil masa selama 2 tahun untuk mahir dalam pembuatan blok batik • Belajar sambil bekerja untuk mahir dalam bidang ini

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

		<ul style="list-style-type: none"> • Setelah mahir, beliau membuka bengkel sendiri iaitu bengkel kecil sahaja
00:06:53 00:07:34	- Modal yang diperlukan untuk membuka bengkel.	<ul style="list-style-type: none"> • Anggaran sebanyak dua hingga tiga ratus ringgit sahaja • Hanya memerlukan modal yang kecil dan hanya perlu mempunyai mahir dalam bidang ini sahaja • Jenis blok seperti zink dan tembaga dijual dengan harga yang murah ketika itu
00:07:38 00:09:10	- Idola yang paling beliau minati.	<ul style="list-style-type: none"> • Idola beliau bernama Nik Noor dan sudah meninggal dunia • Minat dengan cara perniagaan dan kemahiran yang dimiliki dalam pembuatan blok • Idolanya mempunyai 10 orang pekerja • Dari zaman remaja lagi mahir dalam pembuatan blok
00:09:15 00:10:39	- Pengalaman menyertai pertandingan.	<ul style="list-style-type: none"> • Pada Hari Kraf Kebangsaan, pernah dipanggil oleh pihak kraftangan untuk membuat demonstrasi • Pernah menyertai pertandingan dalam bahagian logam dan mendapat tempat yang pertama • Memenangi pertandingan dalam bahagian logam pada tahun 2013
00:11:01 00:12:21	- Persaingan yang dihadapi.	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mempunyai persaingan kerana menggunakan jenis logam • Kerana hanya mahir dalam bidang blok batik dan kebanyakan orang mahir dalam perhiasan yang menggunakan logam dan perak • Dalam bidang blok ini, beliau seorang sahaja yang mahir dalam pembuatan blok ini

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

<p>00:12:34 00:13:12</p>	<p>- Proses pembuatan blok batik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Proses pembuatan blok batik ini adalah rumit • Mengikut kajian, jika proses ini tidak rumit, maka akan ramai pengusaha blok batik ini • Ini menunjukkan sesuatu perkara atau benda yang rumit iaitu susah untuk dibuat • Pekerja juga tidak ramai iaitu mempunyai dua atau tiga orang sahaja • Pembuat blok juga tidak ramai iaitu mempunyai dua atau tiga pengusaha pada zaman sekarang • Permintaan sangat ramai, tetapi pengusaha blok adalah sedikit kerana proses ini susah untuk dibuat
<p>00:13:19 00:14:36</p>	<p>- Peralatan yang digunakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat peralatan yang sukar untuk didapati pada ketika ini iaitu disebabkan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) • Peralatan seperti tembaga biasanya akan diimport ke luar negara • Tembaga kuning yang biasa digunakan adalah sangat sukar untuk didapati oleh sebab PKP • Tidak dapat membuat pesanan untuk membeli tembaga dari luar negara dan perlu memikirkan jika tembaga tidak mencukupi, beliau hendak mencari di mana. • Blok batik yang menggunakan tembaga ini masih boleh dibuat kerana ada lagi peralatan pada ketika ini

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

		<ul style="list-style-type: none"> • Tetapi tembaga semakin pupus oleh kerana PKP dan tembaga merah adalah tebal menjadikannya sukar untuk membuat blok berbanding tembaga kuning yang sukar untuk didapati • Peralatan seperti timah amat mudah didapati
00:14:46 00:15:23	- Kos perbelanjaan bahan penghasilan batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Harga yang murah jika menggunakan sedikit timah dan sedikit tembaga
00:15:28 00:15:45	- Lokasi untuk membuat blok batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Di bengkel iaitu kawasan yang strategic • Kebanyakan orang dari luar negeri membeli blok batik
00:15:59 00:17:30	- Pekerja – Pekerja blok batik.	<ul style="list-style-type: none"> • 4 orang pekerja • Pekerja – pekerja beliau juga ada yang bekerja dalam bidang lain, bukan teryumpu pada pembuatan blok sahaja
00:17:41 00:18:01	- Persiapan awal sebelum memulakan proses menyiapkan blok batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu mencipta corak yang menarik dan seterusnya dapat dijual • Corak merupakan perkara yang paling penting dalam pembuatan blok batik
00:18:10 00:18:59	- Masa yang diambil untuk menyiapkan blok batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mengambil masa yang lama kerana sudah membuat persiapan awal • Melakukan persiapan seperti membersihkan meja terlebih dahulu dan jangan biarkan bersepah

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

00:19:11 00:20:12	-	Menceritakan tentang semangat yang perlu ada diri dalam menghasilkan blok.	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai minat yang tersendiri dalam bidang blok batik ini • Perlu tanam semangat dalam diri bermula dari malam lagi dan keesokkan harinya, datang semangat yang baru
00:20:18 00:21:51	-	Menceritakan tentang blok batik yang dikomersialkan ke luar negara.	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat pengusaha dari negara Eropah datang untuk mencari beliau dan dia juga merupakan pembuat blok di Penang ketika dahulu • Apabila sudah mahir, dia pulang ke negaranya dan menjadi tenaga pengajar di negaranya • Orang dari negara Eropah membeli blok dari beliau
00:21:55 00:22:51	-	Membincangkan pandangan masyarakat sekarang terhadap blok batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat pada masa kini semestinya tidak mengetahui cara membuat batik, tetapi apabila demonstrasi diadakan, mereka berasa tertarik
00:22:52 00:24:19	-	Menceritakan perkembangan blok batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Batik jenis blok merupakan batik pertama diperkenalkan • Apabila wujudnya batik lukis iaitu batik canting, batik blok menjadi pupus
00:24:25 00:25:30	-	Perbincangan sama ada terfikir untuk beralih ke bidang yang lain atau sebaliknya.	<ul style="list-style-type: none"> • Ada juga pernah beralih ke bidang lain iaitu buat batik jenis batik lukis • Batik lukis memerlukan modal yang banyak dan beliau meneruskan dengan bidang pembuatan blok batik sahaja
00:25:31 00:25:56	-	Menceritakan tentang pelanggan tetap beliau.	<ul style="list-style-type: none"> • Semestinya ada pelanggan tetap yang ramai • Jika terlalu banyak tempahan, beliau juga terpaksa menolak tempahan tersebut • Pelanggan yang berkualiti akan membuatkan beliau meneruskan kerja – kerja untuk menyiapkan blok yang ditempah

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

00:25:59 00:27:56	-	Memberi penerangan dalam penurunan ilmu kepada pekerja.	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau menurunkan ilmu kepada pekerja dan juga lebih tertumpu kepada anak beliau sendiri • Pembuat batik perlu pandai dalam melukis
00:27:58 00:28:37	-	Memberi maksud batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Batik merupakan sejarah orang Melayu • Batik merupakan pakaian yang digunakan oleh nenek moyang kita lagi
00:28:38 00:30:42	-	Menyatakan asal – usul batik.	<ul style="list-style-type: none"> • Asal – usul batik biasanya bermula dari orang Indonesia • Di Indonesia, batik adalah sangat popular di sana • Orang Indonesia akan masuk ke Malaysia dan menggayakan batik
00:30:43 00:31:59	-	Jenis – jenis batik yang terdapat di Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> • Batik canting dan batik blok • Banyak batik dibuat dalam bentuk batik sarung dan selalu dipakai oleh orang Melayu
00:32:04 00:33:17	-	Cara membezakan setiap jenis batik di Malaysia .	<ul style="list-style-type: none"> • Batik Malaysia ini, kita mudah kenalpasti kerana pada zaman kini, banyak batik tiruan
00:33:21 00:33:59	-	Memberi penerangan tentang ilmu yang harus dimilik dalam bidang ini.	<ul style="list-style-type: none"> • Kesabaran amat penting dalam membuat blok ini • Kita perlu mempunyai bakat terutamanya bakat dalam melukis
00:34:02 00:34:29	-	Memberi penerangan mengenai kelulusan kerajaan negeri.	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak perlu memohon kelulusan kerajaan negeri • Dengan membuka kilang jika ingin membuat batik • Boleh membesarkan dan mengembangkan perniagaan mengikut kepandaian sendiri

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MD. GHANI BIN MAT
MENGENAI PEMBUATAN BLOK BATIK

